SATU UJIKAJI PEMBINAAN TINGKAH LAKU ASERTIF DI KALANGAN PEMIMPIN PERSATUAN MAHASISWA, SEBUAH UNIVERSITI TEMPATAN.

AHMAD FADIL BIN JAAFAR

Fakulti Sains Kognitif
dan Pembangunan Manusia

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

1997

SATU UJIKAJI PEMBINAAN TINGKAH LAKU ASERTIF DI KALANGAN PEMIMPIN PERSATUAN MAHASISWA, SEBUAH UNIVERSITI TEMPATAN. FOKUS: PESERTA KURSUS BINA NEGARA, BIRO TATANEGARA (CAWANGAN PERAK), JABATAN PERDANA MENTERI.

Oleh

Ahmad Fadil Bin Jaafar

Tesis diserahkan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk Ijazah Sarjana Sains

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
Julai 1997

PERAKUAN

Tidak terdapat bahagian di dalam kerja ini merujuk kepada tesis lain yang telah dikemukakan dalam menyokong permohonan kelayakan penganugerahan disertasi ini atau daripada lain-lain universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya amat bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah keizinan-Nya tesis ini dapat disiapkan mengikut tempoh yang dirancangkan.

Rakaman terima kasih tidak terhingga saya berikan kepada Dr. Hazman Shah Bin Abdullah, Timbalan Dekan, Fakulti Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, selaku penyelia tesis ini yang telah banyak memberikan kerjasama membantu saya menjalankan kajian ilmiah ini.

Seterusnya, rakaman terima kasih ditujukan kepada Dr. Ibrahim Bin Ahmad Bajunid, Pengarah, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Prof. Dr. Razali Bin Arof, Dekan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Dr. Haji Abang Ahmad Ridzuan Bin Haji Abang Awit, Tuan Haji Noor Bin Bakar, dan Tuan Haji Abdul Samat Bin Saberan selaku pengurus bersama Program Pengajian Kembar Iintitut Aminuddin Baki - Universiti Malaysia Sarawak, para pensyarah, dan semua pihak yang terlibat membantu saya sepanjang pengajian pasca siswazah dijalankan. Rakaman terima kasih juga diberikan kepada Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Mohd. Nor dari UKM dan Dr. Gabriel Tonga Noweg dari Unimas yang menjadi pemeriksa luar dan pemeriksa dalam bagi tesis ini.

Selain itu saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Sabudin Bin Hasan, Pengarah, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, para pegawainya iaitu Encik Abdul Shukor Bin Desa dan Encik Azmi Bin Ahmad, para fasilitator, jurulatih, responden, semua rakan kohort 1 1996/97, dan pelbagai pihak yang telah memberikan nasihat, rangsangan serta bantuan yang amat tinggi nilainya dalam menjayakan kajian ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan khas kepada isteri tercinta Puan Hajah Rohaiyah bt Yeop Mohamad Kasim, serta anak-anak tersayang Ahmad Fahmi dan Natrah, di atas pengorbanan serta dorongan mereka sepanjang tempoh saya mengikuti pengajian pasca siswazah dan menyiapkan tesis ini. Saya mendoakan supaya anak-anak saya mengikuti jejak saya dalam pencarian ilmu demi kebaikan hidup di dunia dan akhirat.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih khas kepada ibu saya yang dikasihi Puan Hajah Patimah Binti Haji Abdullah dan ibu mertua Puan Hajah Rafidah Binti Mat Judin kerana pertolongan mereka tinggal di rumah saya membantu isteri dan anak-anak saya sepanjang ketiadaan saya mengikuti pengajian ini.

Wassallam.
Unimas, 1 Julai 1997.

JADUAL KANDUNGAN

Perakuan		ii
Penghargaan		iii
Jadual kandungan		v
Senarai jadual		xi
Senarai rajah		xiii
Abstrak		xiv
Abstract		xv
1	**BAB 1 : PENGENALAN**	**1**
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Permasalahan kajian	3
	1.2 Tujuan kajian	5
	1.3 Objektif kajian	6
	1.3.1 Objektif am	6
	1.3.2 Objektif khas	6
	1.4 Hipotesis kajian	7
	1.5 Skop kajian	7
	1.6 Kepentingan kajian	8
	1.6.1 Kepentingan kajian ilmiah	8
	1.6.2 Kepentingan kajian gunaan	9

1.7 Konsep-konsep dalam kajian 9

1.7.1 Definisi konsep 10

1.7.1.1 Tingkah laku asertif 10

1.7.1.2 Latihan asertif 11

1.7.2 Definisi operasional 13

1.7.2.1 Tingkah laku asertif 13

1.7.2.2 Latihan asertif 13

1.7.2.3 Pemimpin persatuan mahasiswa 14

1.7.2.4 Kursus Bina Negara 15

2 BAB 2 : SOROTAN LITERATUR 16

2.0 Pendahuluan 16

2.1 Teori latihan yang berkaitan 17

2.1.1 Pengubah suaian kelakuan 17

2.1.2 Teori Pembelajaran Sosial 18

2.2 Latar belakang latihan asertif 20

2.3 Ulasan sorotan literatur 22

3 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN 30

3.0 Pendahuluan 30

3.1 Reka bentuk kajian 30

3.2 Lokasi kajian 34

3.3 Responden kajian 35

3.4 Instrumen pengukur kajian 36

3.4.1 Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) 36

3.4.2 Subjets Units of Discomfort Scale 39

3.4.3 Borang Maklum Balas Pemerhati (BMP) 39

3.5 Analisis dan tafsiran kajian 41

3.6 Pentadbiran kajian 43

3.7 Pelaksanaan kajian 45

3.7.1 Pelaksanaan kajian (i) 46

3.7.1.1 Pertemuan kali pertama 46

3.7.1.2 Pertemuan kali kedua 48

3.8 Aktiviti latihan kumpulan LDK 1 (latihan asertif) 52

3.8.1 Aktiviti latihan bahagian 1 52

3.8.2 Aktiviti latihan bahagian 2 57

3.8.3 Aktiviti latihan bahagian 3 63

3.8.4 Aktiviti latihan bahagian 4 70

3.8.5 Aktiviti latihan bahagian 5 75

3.9 Pelaksanaan kajian (ii) 81

3.9.1 Pertemuan kali ketiga 81

3.10 Masalah kajian 82

3.10.1 Responden kajian 82

3.10.2 Waktu kajian 83

3.10.3 Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) 84

4	**BAB 4 : ANALISIS DAN TAFSIRAN KAJIAN**		**85**
	4.0	Pendahuluan	85
	4.1	Analisis dan tafsiran perbezaan skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)	86
	4.2	Analisis dan tafsiran perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berbanding dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I)	89
	4.3	Analisis dan tafsiran perbandingan skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial)	91
	4.4	Analisis dan tafsiran perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 4 (kawalan II)	93
	4.5	Analsis dan tafsiran untuk melihat perbezaan skor min bagi semua kumpulan LDK selepas menjawab ujian post menggunakan Analysis of Variance (ANOVA)	95
	4.6	Analisis dan tafsiran melihat tahap ketidak selesaan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)	100
	4.7	Analisis dan tafsiran kesan latihan asertif bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) menurut perspektif fasilitator dan jurulatih	115
5	**BAB 5 : PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**		**118**
	5.0	Pendahuluan	118
	5.1	Ringkasan kajian	118

5.2 Perbincangan dapatan kajian 120

5.2.1 Peningkatan tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) 120

5.2.2 Kesan latihan asertif terhadap pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) LDK 1 (latihan asertif) 126

5.2.3 Perbezaan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK 128

5.2.4 Perspektif fasilitator dan jurulatih terhadap kesan latihan asertif bagi responden kumpulan ujikaji 130

5.3 Rumusan dapatan kajian 131

5.3.1 Perlakuan tingkah laku yang lebih asertif dalam segala aspek perlakuan harian 132

5.3.2 Kemahiran berkomunikasi yang lebih baik dan berkesan 133

5.3.3 Kebolehan membuat keputusan sendiri dan memuaskan 134

5.4 Kesan kajian 135

5.4.1 Pengkaji 135

5.4.2 Responden 136

5.4.3 Biro Tatanegara (cawangan Perak) 137

5.4.4 Universiti tempatan 138

5.5 Cadangan 139

5.5.1 Inventori soalan 139

5.5.2 Fasilitator kumpulan LDK 140

5.5.3 Tempoh kajian 141

5.5.4 Responden kajian 142

5.6 Penutup 142

RUJUKAN **144**

LAMPIRAN **150**

1. Surat permohonan kepada Pengarah, Biro Tatanegara, (cawangan Perak) Jabatan Perdana Menteri.

2. Surat jawapan kebenaran membuat kajian daripada Pengarah Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri.

3. Jadual program Kursus Bina Negara.

4. Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973).

5. Subjects Units Of Diccomfort Scale (Borang Skor SUD's).

6. Borang Maklum Balas Pemerhati (BMP).

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
2.3.1	Ringkasan ulasan sorotan literatur tentang latihan asertif	27
3.1.1	Reka bentuk "Solomon Four Groups Design" (Empat Kumpulan Solomon)	32
3.1.2	Perbandingan bagi semua kumpulan LDK	33
3.6.1	Ringkasan jadual pentadbiran kajian	43
4.1.1	Skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973)	87
4.1.2	Nilai "t" bagi dua pembolehubah	88
4.2.1	Perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berbanding dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I)	90
4.3.1	Perbandingan skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial)	92
4.4.1	Perbezaan skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 4 (kawalan II)	94
4.5.1	Perbandingan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK	96
4.5.2	Analysis of variance (ANOVA) ujian post bagi semua kumpulan	98

4.5.3	Ujian Scheffe dengan signifikan .05 melihat perhubungan kumpulan LDK	99
4.5.4	Ujian Scheffe semua kumpulan LDK	99
4.6.1	Skor SUD's - Perubahan tahap kecemasan tingkah laku responden yang diubah	101
4.6.2	Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil A	104
4.6.3	Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil B	106
4.6.4	Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil C	108
4.6.5	Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil D	110
4.6.6	Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil E	112
4.7.1	Perbandingan skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)	116

SENARAI RAJAH

Jadual	Tajuk	Halaman
4.6.2 (a)	Skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan A	105
4.6.3 (a)	Skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan B	107
4.6.4 (a)	Skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan C	109
4.6.5 (a)	Skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan D	111
4.6.6 (a)	Skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan E	113
4.6.7	Keseluruhan perbandingan skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden	114

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kesan latihan asertif bagi pembinaan tingkah laku asertif, di kalangan pemimpin persatuan mahasiswa sebuah universiti tempatan. Suatu ujikaji telah dijalankan terhadap 120 orang responden, yang merupakan peserta Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, pada 5 hingga 10 April 1997, di Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Kaki Bukit, Perlis. Responden kajian telah dibahagikan kepada empat kumpulan Latihan Dinamika Kumpulan (LDK), mengikut reka bentuk "Solomon Four Groups Design", (Solomon 1978). Pembahagian responden kepada empat kumpulan LDK dibuat secara sistematik mengikut senarai abjad nama responden. Dua kumpulan LDK diberikan aktiviti latihan asertif dan aktiviti latihan kemahiran sosial. Manakala dua buah kumpulan tidak diberikan sebarang aktiviti latihan, dinamakan kumpulan kawalan. Pencapaian skor min dan markat responden berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973), skor SUD's, Cottler (1976), dan borang maklum balas pemerhati (BMP), dianalisis dan ditafsirkan. Berdasarkan keputusan skor min dan markat ujian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati responden yang mengikuti latihan asertif dan latihan kemahiran sosial dapat membina tingkah laku asertif. Selain itu, mereka dapat menurunkan tahap kecemasan dan meningkatkan tahap keselesaan setelah menjalani aktiviti latihan. Dapatan kajian memperlihatkan peningkatan perlakuan tingkah laku asertif di kalangan responden yang boleh dilihat berdasarkan peningkatan berkomunikasi, membuat keputusan, dan perlakuan tingkah laku asertif. Akhirnya berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menegaskan bahawa latihan asertif telah dapat membina tingkah laku asertif di kalangan responden melalui ujikaji yang telah dijalankan. Oleh itu, kajian ini telah mencapai objektif dan menepati hipotesis yang dibuat.

ABSTRACT

The objective of this study was to examine the effect of assertive training for the purpose of building assertive behaviour, among student union leaders of a local university. An experience was conducted on 120 participants of the Nation Building Course, Biro Tatanegara (Perak branch), Prime Minister Department, at the Biro Tatanegara camp (Perlis branch) in Kaki Bukit, Perlis. They were divided into four "dynamic groups", based on "Solomon Four Groups Design" (Solomon, 1978). They were systematically suddivided into four "dynamic groups" according to alphabetical order. Two groups were given assertive training activities and social training activities. The other two groups were not given any activity to do at all. These became the control groups. Mean and raw scores were analysed and described according Rathus Assertive Table (Rathus, 1973), Subjects Units of Discomfort Scale (Cottler, 1976), and Observer Feedback Form. Based on the findings, the researcher found that respondents who were given assertive and social skill training could build their assertive behaviour. They also showed that they could reduce level of nervousness and improve their level of comfort after undergoing assertive training activities. This behaviour was detected from the way respondents communicated, made decisions and building assertive behaviour. Finally, based on the findings, the researcher believed that assertive training could build assertive behaviour of respondents through the test in the study. The study has achieved its objective and answered the hypothesis.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kepimpinan memang berlaku serta memainkan peranan penting dalam semua masyarakat manusia tanpa mengira budaya. Sehubungan itu, Selat (1983) mengatakan dalam masyarakat Melayu kepimpinan merupakan suatu daripada perkara penting dan pemimpin sentiasa dipandang tinggi. Menurut Yusof (1994) kepimpinan yang berkesan dalam sesebuah organisasi mempengaruhi kejayaan seseorang pemimpin serta meningkatkan motivasi pengikut untuk menghadapi pelbagai cabaran.

Dalam kehidupan seharian, pemimpin tidak dapat mengelakkan diri daripada berkomunikasi dan membuat keputusan yang melibatkan pengikut serta anggota masyarakat. Mohamad (1982) berpendapat pemimpin harus memuaskan pengikut dan anggota masyarakat serta bermotivasi tinggi untuk menyediakan kepimpinan serta arah kepada organisasi pimpinannya.

Para pengkaji mendefinisikan kepimpinan berdasarkan perspektif masing-masing dengan berasaskan beberapa aspek fenomena yang menarik minat mereka. Justeru itu, Fiedler (1967), Hollander (1971), dan

Fleishman (1973) mengatakan kepimpinan sebagai usaha ke arah pembinaan pengaruh antara perorangan yang diarahkan melalui proses komunikasi untuk pencapaian sesuatu matlamat.

Peranan yang dimainkan oleh pemimpin sangat penting ke arah mencapai kemajuan dan kesejahteraan kelompok pimpinannya. Di samping itu, pemimpin mengurus kelompok dengan cara memberitahu apa yang hendak dibuat dan bagaimana cara membuatnya. Pemimpin juga berkongsi tanggungjawab kepimpinan bersama anggota kelompok dengan melibatkan mereka membuat perancangan serta pelaksanaan sesuatu tugas.

Corak kepimpinan masyarakat serta negara Malaysia pada masa hadapan bergantung kepada corak pengurusan kepimpinan di kalangan generasi muda, terutama pemimpin persatuan mahasiswa di universiti tempatan. Sebagai bakal pemimpin di peringkat lebih tinggi, mereka perlu diberikan pelbagai pendedahan seperti pendidikan, latihan, dan kemahiran.

Dalam hal ini, mengikut Drucker (1987) tiada seorangpun pengurus yang dilahirkan sebagai seorang pemimpin yang berkesan. Justeru itu, pemimpin wajar menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan serta kemahiran ke arah menjadikan kepimpinannya berkesan dan dihormati.

1.1 Permasalahan kajian

Kajian ini dijalankan sebagai persediaan kepada pemimpin persatuan mahasiswa agar mereka mampu menjadi pemimpin di peringkat lebih tinggi pada masa hadapan. Sehubungan itu, pemimpin persatuan mahasiswa perlu memiliki sifat **ketegasan diri** atau **tingkah laku asertif.** Sifat ketegasan diri atau tingkah laku asertif bukanlah merupakan suatu sifat semulajadi yang sedia terdapat pada diri seseorang individu. Sebaliknya, sifat ini merupakan suatu keupayaan dan kemahiran yang boleh dipelajari serta dibina melalui latihan asertif.

Melalui latihan asertif seseorang pemimpin akan melakukan tingkah laku asertif dan berasa selesa dengan tingkah laku tersebut tanpa mengganggu hak-hak orang lain. Wolpe **(1969)** mengatakan sifat ketegasan diri sebagai kebolehan menunjukkan kemesraan, kasih sayang, dan lain-lain perasaan yang bukan bersifat kecemasan.

Menurut Bandura (1977) sifat ketegasan diri atau "self-efficacy' membolehkan seseorang berpuas hati dengan tingkah lakunya dan masyarakat akan menghormatinya. Manakala mengikut Martin dan Pear **(1978)** tingkah laku asertif merupakan suatu perlakuan bag-i individu melahirkan perasaan serta keperluan kepada orang lain dengan lebih jelas.

Selain itu, tingkah laku asertif adalah merujuk kepada pencurahan semua jenis perasaan secara lahiriah. Jackson (1988) mengatakan ketegasan diri merupakan kelakuan yang mempunyai nilai-nilai berterus terang, terpuji, dan menghormati perhubungan perorangan dalam proses perhubungan sesama manusia.

Melalui tingkah laku asertif Lloyd (1988) mengatakan seseorang boleh meningkatkan kemahiran dalam memajukan personalitinya. Menurut Gillen (1992) pemimpin yang menguruskan organisasi moden sangat sesuai mengamalkan tingkah laku asertif untuk menghadapi pelbagai persaingan mengikut perkembangan masa.

Pada masa ini corak kepimpinan persatuan mahasiswa agak "sunyi" menghadapi pelbagai masalah dan isu berkaitan masyarakat yang sentiasa berlaku. Keadaan ini, menurut Karim (1992) disebabkan pemimpin persatuan mahasiswa universiti tempatan sering berhadapan dengan pelbagai persoalan tentang tingkah laku mereka terutama untuk menyesuaikan diri dengan pengikutnya serta anggota masyarakat.

Sebagai pemimpin persatuan mahasiswa, mereka tidak dapat menunjukkan tingkah laku asertif yang diharapkan. Sebaliknya, mereka sering memperlihatkan perlakuan agresif dan tidak asertif yang sepatutnya tidak diamalkan oleh seseorang pemimpin. Di antara tingkah laku tidak asertif dan agresif yang agak nyata di kalangan pemimpin persatuan mahasiswa ialah sukar menerima hakikat tentang kesilapan

dan kelemahan diri sendiri, sukar membuat dan menerima teguran, sukar menggerakkan aktiviti persatuan tanpa arahan daripada pihak berkuasa, tidak dapat membuat keputusan dengan berkesan, dan tidak memperlihatkan kreativiti serta kematangan kepimpinan.

Justeru itu, pembinaan tingkah laku asertif adalah wajar diterapkan kepada pemimpin persatuan mahasiswa agar mereka bertindak secara asertif dalam menghadapai pelbagai masalah dan isu secara asertif. Dengan memiliki sifat dan tingkah laku asertif, mereka akan memperlihatkan corak kepimpinan yang berkualiti dan berkesan terhadap organisasi yang dipimpinnya. Seseorang pemimpin yang memiliki sifat asertif akan dapat memotivasikan anggota organisasi yang dipimpinnya ke arah mencapai suatu kejayaan yang dirasai bersama.

1.2 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina tingkah laku asertif kepada para peserta yang mengikuti program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Pembinaan tingkah laku asertif dilakukan melalui aktiviti latihan asertif terutama di kalangan peserta terdiri daripada para pemimpin pelbagai organisasi di negara ini.

1.3 Objektif kajian

Dari segi objektif, kajian ini mempunyai objektif am dan objektif khas yang memfokuskan kepada pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden melalui aktiviti latihan asertif.

1.3.1 Objektif am

Dari segi objektif am, kajian ini memperkenal dan melaksanakan latihan asertif kepada semua peserta program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Dalam hal ini, latihan asertif ditumpukan kepada para pemimpin dari pelbagai peringkat sebagai suatu cara ke arah pembinaan tingkah laku asertif.

1.3.2 Objektif khas

Dari segi objektif khas, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menguji pelaksanaan latihan asertif dalam membina tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

2. Menilai kesan pelaksanaan latihan asertif dalam membina tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

3. Mengukur perbezaan relatif latihan asertif di antara kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dengan semua kumpulan LDK yang terlibat dalam kajian ini.

1.4 Hipotesis kajian

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan LDK ujikaji yang menerima latihan asertif dengan kumpulan LDK yang menerima latihan kemahiran sosial, dan kumpulan LDK kawalan yang tidak menerima sebarang latihan.

1.5 Skop kajian

Kajian ini dijalankan secara terbatas terhadap 120 orang responden yang terdiri daripada pemimpin persatuan mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Responden merupakan pemimpin dari pelbagai persatuan yang terdapat di universiti tersebut. Justeru itu, kesahihan dan aplikasi dapatan daripada kajian ini adalah terbatas kepada golongan responden yang terlibat. Di samping itu, dapatan kajian juga tidak boleh disamakan kepada semua pemimpin persatuan mahasiswa universiti tempatan di Malaysia.

Selain itu, kajian ini hanya tertumpu kepada beberapa aspek berkaitan dengan tingkah laku agresif dan tidak asertif yang diperlihatkan oleh responden. Tumpuan dan penekanan kajian diberikan kepada beberapa

kemahiran asas berkomunikasi seperti kontak mata, kreativiti, membuat keputusan, menyatakan perasaan secara berterus terang, spontan, dan tidak mengabaikan hak-hak diri sendiri serta hak-hak orang lain.

Menurut Rahim (1990) kemahiran berkomunikasi merupakan perkara asas yang penting bagi menguasai tingkah laku asertif terutama di kalangan pemimpin. Hal ini boleh membantu pemimpin memupuk perhubungan yang rapat dengan anggota di bawah kepimpinan mereka.

1.6 Kepentingan kajian

Dari segi kepentingan kajian ini mempunyai dua kepentingan iaitu kepentingan kajian ilmiah dan kepentingan kajian gunaan.

1.6.1 Kepentingan kajian ilmiah

Dari segi kajian ilmiah, kajian ini penting kerana dapatannya dapat menambahkan ruang ilmu yang sedia ada khasnya berkaitan pembinaan tingkah laku asertif dan latihan asertif. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu para pengkaji memperluaskan lagi kajian serta menambahkan dapatan kajian pada masa hadapan.

1.6.2 Kepentingan kajian gunaan

Dari segi kajian gunaan, kajian ini penting kerana dapatannya boleh dimanfaatkan oleh semua pihak di universiti tempatan bagi meningkatkan kecemerlangan kepimpinan persatuan mahasiswa pada masa akan datang.

Selain itu, kajian ini dapat dijadikan garis panduan khususnya kepada Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, dalam melaksanakan program Kursus Bina Negara kepada peserta dari pelbagai peringkat.

Seterusnya, dapatan kajian ini boleh diaplikasikan oleh masyarakat umum untuk melakukan tingkah laku asertif secara lebih berkesan dalam kehidupan seharian.

1.7 Konsep-konsep dalam kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada dua konsep iaitu definisi konsep dan definisi operasional.

1.7.1 Definisi konsep

Dari segi definisi konsep kajian ini memberikan penjelaskan terhadap tingkah laku asertif dan latihan asertif.

1.7.1.1 Tingkah laku asertif

Secara umum tingkah laku asertif dimaksudkan sebagai kebolehan seseorang menggunakan hak-hak sebenar terhadap dirinya dengan sebaik mungkin dan tidak mengganggu hak-hak orang lain, malah menghormatinya. Mengikut Norton dan Warnick (1976), Galassi dan Galassi (1977), dan Bandura (1977) terdapat empat ciri tingkah laku asertif atau "self-efficacy" yang perlu dihormati dalam komunikasi perorangan iaitu bersikap terbuka, tidak cemas, tidak menimbulkan perbalahan, dan tidak menakutkan.

Selain itu, Martin dan Pear (1978), Devito (1980), dan Huczynski (1983) mengatakan tingkah laku asertif sebagai suatu pengharapan tinggi seseorang dalam perundingan dengan orang lain dan mengharapkan tindak balas yang sewajarnya tanpa menyakiti perasaan.

Tingkah laku asertif boleh membantu seseorang menghilangkan rasa malu, sedih, dan menghormati hak-hak orang lain sewaktu berkomunikasi antara satu sama lain. Mengikut Allan (1989) dan Zuker (1989) tingkah laku asertif memungkinkan seseorang melakukan

sesuatu perlakuan mengikut cara yang paling disukai, mengemukakan sesuatu secara sendiri tanpa sebarang kerisauan, dan melahirkan perasaan kejujuran dengan selesa.

Selain itu, Manthei (1981), Bells et al., (1988), Back dan Back (1991), Fritchie dan Melling (1991), dan Myers et al., (1992) merumuskan tingkah laku asertif sebagai suatu tingkah laku mulia yang dilakukan oleh individu yang menyenangkan dirinya dan orang lain.

Rumusannya keseluruhan para pengkaji bersetuju terdapat tiga ciri tingkah laku asertif di kalangan perorangan. Pertama, tingkah laku asertif merupakan perlakuan yang merangkumi pernyataan fikiran dan perasaan secara berterus terang. Kedua asertif adalah tingkah laku sosial yang sewajarnya perlu di dalam kehidupan, dan ketiga apabila seseorang bertindak asertif, perasaan dan hak-hak orang lain mestilah diambil kira.

1.7.1.2 Latihan asertif

Secara umum latihan asertif merupakan suatu proses pembelajaran dan latihan menjadikan seseorang bertingkah laku asertif. Mengikut Shertzer dan Stone (1974), Eisenberg dan Delaney (1977), Colleen (1979), dan Rose (1980) latihan asertif merupakan suatu teknik yang menggunakan satu atau lebih kaedah seperti main peranan, raptai, maklum balas terapis, dan model sosial untuk menggalakkan responden

mengamalkan tingkah laku yang amat diingini tetapi ia berasa takut untuk melakukannya.

Selain itu, menurut Cooper (1981) dan Stubbs (1985) latihan asertif merupakan suatu bentuk latihan yang dapat membantu individu mempelajari cara berinteraksi lebih berkesan serta dapat membina individu sebagai ahli yang berkesan dan bermakna dalam kumpulan kerjaya serta kehidupannya.

Di samping itu, menurut Ohlsen et al., (1988) dan Bennett (1989) latihan asertif merupakan suatu proses melatih responden menjadi lebih asertif dan bertingkah laku menuju ke arah kebaikan dan kestabilan dalam kehidupan. Manakala mengikut Gardon et al., (1991), Myers et al., (1992), dan Ivey et al., (1993), dan Liz dan Jenny (1995) latihan asertif merupakan suatu kaedah membantu individu mempertingkatkan kemahiran diri dan membina tingkah laku yang disenangi orang lain.

Oleh itu, latihan asertif adalah wajar dipraktikkan serta dijadikan suatu latihan yang berterusan untuk membolehkan seseorang membina tingkah laku asertif.

1.7.2 Definisi operasional

Dari segi definisi operasional kajian ini memberikan penjelaskan definisi terhadap tingkah laku asertif, latihan asertif, pemimpin persatuan mahasiswa, dan Kursus Bina Negara.

1.7.2.1 Tingkah laku asertif

Tingkah laku asertif merujuk kepada tingkah laku sedia bersemuka dengan individu yang berkenaan bagi melahirkan idea atau perasaan dalam suasana yang terbuka dan harmonis.

Selain itu, tingkah laku asertif melibatkan kemampuan seseorang menyatakan perasaannya kepada orang lain sama ada berbentuk positif atau negatif dengan cara yang sesuai di samping menghormati hak-hak orang lain.

1.7.2.2 Latihan asertif

Latihan asertif merujuk kepada suatu aktiviti latihan yang terancang dan bersistematik. Latihan asertif menggunakan beberapa teknik seperti teknik perupaan, main peranan, raptai, pengenduran, model sosial, dan tugasan bertujuan membentuk kemahiran komunikasi bersemuka di kalangan responden yang menjalani ujikaji.

Sewaktu aktiviti latihan asertif dijalankan, responden bagi setiap kumpulan LDK dibimbing oleh pengkaji sendiri, fasilitator, dan jurulatih khas dari Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, yang mempunyai pengalaman luas mengendalikan siri kursus dan latihan pembinaan diri.

Responden dilatih dengan kaedah terancang dan bersistematik. Responden dilatih supaya dapat menguasai beberapa kemahiran seperti mendengar, mengemukakan permohonan yang mudah, menolak sesuatu permintaan secara asertif, melahirkan perasaan marah, gembira atau sedih, mewujudkan kemahiran berkompromi melalui perundingan, dan melakukan sesuatu perubahan tingkah laku yang proaktif.

1.7.2.3 Pemimpin persatuan mahasiswa

Pemimpin persatuan mahasiswa adalah merujuk kepada pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari, ketua penerangan, dan ahli jawatankuasa sebuah organisasi pelajar yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Organisasi pelajar adalah merujuk kepada persatuan, kelab, pasukan berunifom, pasukan sukan, dan sebagainya yang berdaftar dengan universiti.

1.7.2.4 Kursus Bina Negara

Kursus Bina Negara merupakan suatu program kursus yang mempunyai modul khusus dianjurkan oleh Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Kursus Bina Negara merangkumi peserta di kalangan pelajar, masyarakat umum, golongan profesional, dan pemimpin pelbagai peringkat. Kursus Bina Negara bertujuan memberi kefahaman tentang dasar kerajaan, pembinaan diri, latihan fizikal, penerapan nilai-nilai murni, dan ketrampilan diri.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Setiap pemimpin persatuan mahasiswa merupakan harta dan sumber manusia terpenting menentukan kejayaan negara pada masa hadapan. Pemimpin persatuan mahasiswa merupakan pemimpin pelapis kepada masyarakat yang meletakkan harapan tinggi kepada mereka bagi menerajui serta meneruskan kepimpinan generasi akan datang. Sebagai pemimpin persatuan mahasiswa mereka harus tegas dan senang bergaul dengan anggota yang dipimpin serta anggota masyarakat.

Namun demikian, menurut Drucker (1987) tidak pernah terjumpa seorang pemimpin yang secara semula jadinya dilahirkan sebagai seorang pemimpin yang berkesan. Dalam hal ini, Rice (1975) mengatakan masih terdapat pengikut yang menghadapi gangguan emosi, perkembangan sosial, perhubungan, dan pergaulan akibat tidak wujudnya persefahaman yang baik antara pemimpin serta pengikut.

Mengikut Bono (1977) perhubungan antara pemimpin dengan ahlinya hendaklah wujud perasaan sering hormat menghormati yang merupakan asas kepada kesejahteraan. Keadaan ini disokong oleh Chiam dan Nik (1982) yang mengatakan masih terdapat 37.6 peratus hingga 48 peratus

remaja menghadapi masalah rendah diri, terlalu sensitif, dan kurang tegas dalam komunikasi.

2.1 Teori latihan yang berkaitan

Dalam membincangkan teori latihan berkaitan tajuk kajian, pengkaji mengutarakan dua teori yang mendasari program latihan iaitu:

2.1.1 Pengubah suaian kelakuan: Skinner (1987)

Menurut teori ini semua teknik latihan yang diasaskan secara langsung daripada mesin pengajaran (Skinner, 1958) dan set prosedur adalah untuk menajam serta mengubah suai kelakuan seseorang (penjadian operan). Di sini pengkaji hanya menghuraikan tumpuan kepada pengubah suaian kelakuan sebagai suatu teknik latihan.

Pengubah suaian kelakuan diasaskan kepada tanggapan asasi iaitu "kelakuan adalah satu fungsi atas akibatnya". Ini bererti, jika akibat daripada kelakuan tersebut ialah membenci individu, peluang untuk individu tersebut mengulangi kelakuan tersebut dalam keadaan yang sama pada masa hadapan adalah berkurangan. Sebaliknya, jika kesannya positif, berkemungkinan yang kelakuan tersebut akan diulangi pada sesuatu masa nanti dalam keadaan yang sama adalah berkurangan.

Proses untuk mendorong perubahan dalam kekerapan kelakuan melalui pengubahan akibat-akibat kelakuan dikenali sebagai pengubah suaian kelakuan (pengurusan kontigensi). Menurut Skinner (1953) pengukuh positif ialah sebarang rangsangan yang apabila ditambah kepada situasi, menguatkan kemungkinan bahawa kelakuan tersebut akan diulangi. Keberkesanan pengukuhan positif bergantung terutamanya pada penjadualan pengukuhan tersebut.

Dua jadual pengukuhan yang utama ialah selanjar dan tidak selanjar. Jadual selanjar mengatakan bahawa pengukuhan mengikuti setiap gerak balas yang posif. Manakala jadual tidak selanjar (pengukuhan nisbah pemboleh ubah), pengukuh tidak dihadirkan selepas setiap gerak balas, tetapi nisbah berbagai-bagai pengukuh kepada gerak balas dipelbagaikan.

2.1.2 Teori Pembelajaran Sosial: Bandura (1977)

Teori pembelajaran sosial merupakan teori kognitif sosial (Bandura, 1986). Menurut teori ini kelakuan manusia dalam erti kata saling bertindak yang berterusan antara kognitif, kelakuan, dan ejen penentu persekitaran. Mengikut pandangan pembelajaran sosial, manusia tidak didorong oleh kuasa dalaman atau didesak oleh stimuli persekitaran.

Menurut Bandura (1982) fungsi psikologi diterangkan melalui interaksi timbal balik yang berterusan antara anasir penetu peribadi dan

persekitaran. Seterusnya, Bandura mengatakan kelakuan tidak ditentukan secara tunggal oleh akibat-akibat persekitaran juga tidak oleh kognisi-kognisi individu (tujuan dan matlamat sedar). Sebaliknya, mengikut teori pembelajaran sosial menyediakan suatu struktur teoretikal yang menggabungkan ahli fahaman kelakuan dan fahaman kognitif.

Secara khusus, teori pembelajaran sosial memperakui bahawa kebanyakan kelakuan manusia dipelajari melalui pemerhatian terhadap permodelan. Melalui proses memerhati orang lain, seseorang individu membentuk satu idea bagaimana kelakuan dilaksanakan dan apakah kesannya. Maklumat terkod ini bertindak sebagai panduan untuk tindakan. Oleh kerana manusia boleh belajar daripada contoh sebelum melaksanakan sendiri kelakuan tersebut, mereka terselamat daripada memerlukan percubaan dan kesilapan.

Seterusnya, mengikut teori ini manusia tidak semata-mata bertindak kepada pengaruh luaran seolah-olah mereka merupakan organisme yang tidak berfikir, tetapi sebenarnya memilih, mengelola, dan memindahkan stimuli yang meninggalkan kesan terhadap mereka.

Kedua-dua teori fahaman kelakuan (Skinner, 1987) dan teori pembelajaran sosial (Bandura, 1977) bersetuju bahawa kelakuan dipengaruhi oleh akibat-akibatnya tetapi kedua-dua teori tersebut berbeza dari segi peranan khusus pengukuhan.

Mengikut ahli Behaviurisme, pengukuh memperkuatkan gerak balas seterusnya walaupun tanpa disedari orang tentang apa yang sedang dikukuhkan. Ahli-ahli teori sosial menegaskan bahawa kemampuan meramal membolehkan individu-individu dimotivasi oleh akibat-akibat prospektif kelakuan mereka (Latham, 1989).

Mengikut beberapa ujikaji makmal, pembelajaran yang lebih berkesan akan tercapai apabila individu dimaklumkan terlebih dahulu tentang akibat daripada pelaksanaan kelakuan tertentu daripada menunggu sehingga kelakuan tersebut ditunjukkan dan kemudian menerima pengukuhan.

2.2 Latar belakang latihan asertif

Menurut Huczynski (1983) latihan asertif mula diperkenalkan serta dibangunkan oleh Andrew Salter pada tahun 1949 di Amerika Syarikat. Seterusnya latihan asertif mengikut Allan (1989) diperluaskan dengan pesatnya di negara Barat dan telah dapat meningkatkan tingkah laku asertif di kalangan responden yang pernah mengikuti program latihan asertif.

Seterusnya Fritchie dan Melling (1991) mengatakan perkembangan pembangunan latihan asertif semakin meluas di Amerika Syarikat terutama pada tahun 1960an dan 1970an. Hasil penggunaan latihan asertif dalam latihan pembinaan diri pemimpin dan pengurus telah

menampakkan peningkatan motivasi di kalangan mereka dan seterusnya memberikan keuntungan dalam organisasi yang dipimpinnya.

Di negara Barat penggunaan latihan asertif begitu luas dan meliputi pelbagai peringkat pemimpin dan kategori masyarakat. Justeru itu, Lazarus dan Wolpe (1977) menegaskan bahawa latihan asertif sangat mustahak kerana individu yang tidak mempunyai kemahiran sosial boleh kehilangan sesuatu.

Bagi individu yang tidak boleh meluahkan perasaan marahnya boleh mengakibatkan mereka kehilangan orang yang disayangi, kehilangan pekerjaan, kehilangan kawan atau lebih buruk lagi boleh menyebabkan orang tersebut masuk penjara atau institusi penyakit mental. Oleh itu, tingkah laku asertif memerlukan kemahiran sosial untuk berinteraksi dalam konteks komunikasi antara personal agar perkara yang tidak diingini seperti di atas dapat dihindarkan.

Bagaimanapun, di negara kita penggunaan latihan asertif masih dianggap baru. Menurut Jauzi (1996) mahasiswa yang mengikuti kursus Bimbingan dan Kaunseling, di universiti tempatan, dianggap sebagai golongan awal yang membuat kajian tentang latihan tersebut. Sehingga kini perkembangan latihan asertif mula menampakkan hasil positif dan diterima oleh masyarakat.

2.3 Ulasan sorotan literatur

Banyak kajian tentang latihan asertif telah dijalankan oleh para penyelidik, terutama yang ada kaitan dengan pembinaan tingkah laku asertif. Suatu kajian telah dijalankan oleh Wolf dan Desiderato (1980) bagi melihat kesan latihan asertif serta corak perhubungan di kalangan rakan sebilik mahasiswa sebuah universiti.

Dalam kajian tersebut, responden dibahagikan kepada kumpulan yang menjalankan latihan asertif, kumpulan berorientasikan perbincangan, dan kumpulan kawalan. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa kumpulan latihan asertif mempunyai ketegasan diri yang tinggi, lebih mudah berhubung dengan orang lain, dan kurang cemas berbanding dengan kumpulan berorientasikan perbincangan dan kumpulan kawalan.

Suatu lagi kajian telah dilakukan oleh Wehr dan Kaufman (1987) untuk melihat kesan latihan asertif terhadap 96 orang responden yang terdiri di kalangan pelajar gred sembilan sebuah sekolah yang menghadapi masalah kecelaruan fikiran yang tinggi. Pelajar tersebut telah dibahagikan kepada empat kumpulan. Kumpulan ujikaji diberikan latihan asertif , manakala kumpulan kawalan tidak diberikan sebarang aktiviti. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan kumpulan ujikaji yang menjalankan latihan asertif telah meningkatkan perubahan

tingkah laku asertif dan dapat menurunkan tahap kecelaruan tanpa memberi kesan kepada pencapaian mata pelajaran matematik berbanding dengan kumpulan kawalan.

Selain itu, suatu lagi kajian dilakukan oleh Bukhari (1987) untuk melihat kesan latihan asertif dalam meningkatkan potensi diri dan personaliti individu telah dijalankan ke atas 58 orang pelajar matrikulasi di sebuah universiti tempatan. Dalam kajian itu, Bukhari melaporkan bahawa latihan asertif yang dijalankan telah berjaya meningkatkan perubahan sikap responden menjadi lebih berkeyakinan dalam memberikan hujah, pandangan, dan teguran. Seterusnya, Bukhari telah merumuskan bahawa personaliti responden telah menjadi lebih mantap dan berkesan selepas menjalani latihan asertif.

Suatu kajian yang dilakukan oleh Hassan (1987) untuk melihat kesan campur tangan terhadap tingkah laku asertif di kalangan responden terdiri daripada mahasiswa program Matrikulasi, Universiti Pertanian Malaysia, menggunakan kaedah modifikasi tingkah laku seperti peneguhan, kognitif, model sosial, kawalan kendiri, latihan tegas diri, dan kemahiran sosial. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan terdapat perubahan tingkah laku asertif bagi semua kaedah yang diperkenalkan.

Di samping itu, suatu lagi kajian tentang latihan asertif telah dilakukan oleh Kalam (1987) ke atas sekumpulan 12 orang pemimpin pelajar

perempuan di sebuah sekolah menengah berasrama penuh di negeri Johor. Hasil latihan asertif yang diberikan selama enam kali pertemuan, menunjukkan perubahan yang nyata dalam kemahiran sosial di kalangan pemimpin pelajar perempuan sekolah tersebut.

Suatu kajian latihan asertif juga telah dilakukan oleh Jamaluddin (1987) di kalangan anak-anak yatim sebuah institusi anak yatim. Dapatan kajian tersebut menunjukkan kesan latihan asertif begitu positif dalam pembentukan komunikasi antara perorangan, sama ada dengan rakan sebaya mahupun pegawai, dan kakitangan yang berkenaan dengan kehidupan mereka.

Sementara itu, suatu kajian tentang tingkah laku asertif telah dijalankan oleh Dan (1988) terhadap 20 orang mahasiswi Universiti Pertanian Malaysia, yang mengikuti pelbagai kursus pengajian peringkat diploma dari pelbagai jurusan. Kajian tersebut mendapati responden yang mengikuti kumpulan latihan asertif dapat menunjukkan peningkatan dalam kemahiran sosial dan persepsi kendiri yang tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan. Latihan asertif juga menunjukkan skor lebih tinggi pada Jadual Tegas Diri, Rathus (Starke, 1987).

Suatu lagi kajian tentang tingkah laku asertif dikakukan oleh Jonid (1988) berjaya menunjukkan latihan asertif dapat meningkatkan tingkah laku asertif di kalangan mahasiswa tahun pertama dari

Universiti Pertanian Malaysia. Dalam kajiannya beliau menggunakan seramai 10 orang responden yang mengikuti program latihan asertif sebanyak enam kali pertemuan untuk jangka waktu empat minggu telah berjaya menurunkan tahap tidak selesa dalam perhubungan mereka di kampus.

Selain itu, Awang (1989) memetik kajian oleh (Teasdale 1989) yang telah menjalankan suatu kajian kes terhadap seorang remaja lelaki yang pemalu bernama David. Remaja ini menghadapi kesukaran untuk bersosial. Dia akan menjadi cemas pada setiap kali bertemu dengan individu-individu lain.

Seterusnya David telah diajar beberapa prinsip asertif untuk diamalkan. Antaranya, dia hendaklah berpendirian sendiri dan jangan memikirkan apa yang difikirkan oleh orang lain tentang dirinya. Dia hendaklah bertindak secara spontan dalam sebarang tindakan. Selain itu, dia hendaklah menyatakan perasaan atau pendapat, dan memberikan tentangan jika perlu terhadap pendapat orang lain yang bertentangan dengannya.

Di samping itu, David hendaklah menggunakan ekspresi muka untuk memberi penekanan kepada sesuatu perasaan dan selalu menggunakan gantinama "saya" dalam menyatakan sesuatu.

Sewaktu David dimasukkan ke hospital, dia terus mengamalkan latihan yang dicadangkan dan prinsip yang telah diajarkan kepadanya semasa berhadapan dengan pesakit-pesakit lain. Kesannya dia telah menunjukkan perhubungan yang positif dengan pesakit-pesakit lain.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Awang (1989) ke atas 30 orang responden dari sebuah Institut Kemahiran MARA untuk melihat kesan latihan asertif terhadap pembentukan tingkah laku dan tahap perhubungan dengan pegawai dan kakitangan tempat mereka belajar. Dalam kajian tersebut responden dibahagikan kepada tiga kumpulan. Daripada kumpulan tersebut, dua kumpulan diberikan latihan asertif sementara kumpulan ketiga merupakan kumpulan kawalan yang tidak diberikan sebarang perlakuan. Hasil kajian mendapati kumpulan yang diberi latihan asertif telah dapat membina tingkah laku asertif di samping dapat membina corak perhubungan yang positif di kalangan pelajar, pengajar, dan kakitangan.

Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Zain (1995) terhadap 48 orang pelajar dari empat buah sekolah menengah daerah Kinta berdasarkan pembahagian kepada empat kumpulan. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan kumpulan latihan asertif seramai 12 orang telah memperlihatkan peningkatan tingkah laku asertif berbanding tiga kumpulan yang lain.

Oleh itu, jelaslah bahawa latihan asertif berjaya memberikan peningkatan dalam pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden.

Jadual 2.3.1:
Ringkasan ulasan sorotan literatur tentang latihan asertif.

Pengkaji/Tahun	Responden	Topik	Dapatan
Wolf dan Desiderato (1980)	mahasiswa universiti	corak perhubungan dengan rakan sebilik	kumpulan latihan asertif dapat membina sifat asertif
Wehr dan Kaufman (1987)	96 pelajar yang bercelaru fikiran	mengatasi kecelaruan fikiran	latihan asertif dapat menurunkan kadar kecelaruan
Bukhari (1987)	58 pelajar Matrikulasi UPM	peningkatan potensi diri dan personaliti	latihan asertif mengubah sikap, pandangan dan ketrampilan personaliti
Hassan (1987)	pelajar Matrikulasi UPM	kesan campur tangan terhadap tingkah laku asertif	perubahan dalam tingkah laku asertif
Kalam (1987)	12 pemimpin pelajar sekolah	kemahiran sosial dan pergaulan	perubahan yang nyata

Jamaluddin (1987)	kanak-kanak yatim di institusi anak yatim	masalah dan pergaulan	kemahiran sosial dan pengamatan diri
Dan (1988)	20 mahasiswi UPM	kemahiran sosial dan persepsi kendiri	dapat menigkatkan tahap kemahiran sosial
Jonid (1988)	10 mahasiswa UPM	ketidak selesaan perhubungan dalam kampus	dapat menurunkan kadar ketidak selesaan tersebut
Awang (1989) Teasdale (1989)	seorang remaja	masalah dalam bersosial	dapat keyakinan diri dan bersosial
Awang (1989)	30 pelatih IKM	perhubungan dengan pegawai dan kakitangan	komunikasi positif
Zain (1995)	48 pelajar sekolah menengah	pembentukan tingkah laku asertif	kesan positif

Berdasarkan dapatan daripada kajian para pengkaji terdahulu, seperti huraian di atas, jelaslah menunjukkan bahawa responden yang menerima latihan asertif telah meninggalkan kesan yang positif dalam pembinaan tingkah laku asertif kepada mereka. Di samping itu, melalui latihan asertif seseorang pemimpin dapat meningkatkan lagi ciri-ciri

kepimpinan mereka terutama terhadap diri sendiri dan anggota yang dipimpin.

Justeru itu, pengkaji berminat untuk menjalankan suatu kajian bagi melihat kesan latihan asertif terhadap pembinaan tingkah laku asertif di kalangan pemimpin persatuan mahasiswa, sebuah universiti tempatan. Kajian ini dijalankan secara ujikaji berdasarkan empat kumpulan LDK yang terdiri di kalangan peserta program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan beberapa perkaedahan dan prosedur berkaitan metodologi kajian yang telah dijalankan. Di antara perkaedahan dan prosedur tersebut ialah reka bentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, instrumen pengukur kajian, analisis dan tafsiran data kajian, pentadbiran kajian, pelaksanaan kajian, serta masalah kajian.

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan suatu reka bentuk ujikaji yang dilakukan terhadap 120 orang responden. Mengikut Zain (1995) reka bentuk ujikaji merupakan suatu kaedah kajian yang melibatkan ujikaji dijalankan secara ujian pra dan ujian post terhadap responden.

Pengkaji memilih reka bentuk kajian secara ujikaji kerana reka bentuk ini telah banyak digunakan oleh para pengkaji terdahulu dan dapatan kajian mereka berjaya mencapai objektif kajian masing-masing. Selain itu, reka bentuk kajian secara ujikaji dianggap paling sesuai untuk melihat kesan latihan asertif di kalangan responden dalam kumpulan

LDK 1 (latihan asertif) yang menjalani aktiviti latihan asertif berbanding dengan kumpulan LDK yang lain.

Seterusnya reka bentuk kajian secara ujikaji diyakini dapat menghasilkan analisis dan tafsiran data lebih tepat untuk perbandingan antara semua kumpulan LDK yang terlibat dalam kajian ini.

Untuk menjalankan kajian, pengkaji telah membahagikan responden kepada empat kumpulan LDK dengan menggunakan perkaedahan yang sistematik iaitu mengikut susunan abjad senarai nama responden. Pembahagian kumpulan LDK tersebut bermula dari bilangan 1 untuk kumpulan LDK 1, bilangan 2 untuk kumpulan LDK 2, bilangan 3 untuk kumpulan LDK 3, dan bilangan 4 untuk kumpulan LDK 4. Begitulah pembahagian responden yang seterusnya dilakukan iaitu bilangan 5 untuk kumpulan LDK 1, bilangan 6 untuk kumpulan LDK 2, bilangan 7 untuk kumpulan LDK 3, dan bilangan 8 untuk kumpulan LDK 4 hingga kepada bilangan 120 untuk kumpulan LDK 4.

Setiap kumpulan LDK mempunyai 30 orang responden dan mereka dipermudah carakan oleh dua orang fasilitator dari Biro Tananegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Dalam hal ini, pengkaji akan mengendahkan kumpulan LDK 1 (kumpulan asertif). Untuk kajian ini, pengkaji merujuk kepada reka bentuk kajian Solomon (1978) tentang "Solomon Four Groups Design" (Empat Kumpulan Solomon).

Seterusnya pengkaji membahagikan setiap kumpulan LDK untuk menjalani ujikaji berdasarkan pembahagian tugas aktiviti seperti berikut:

1. Kumpulan LDK 1 (latihan asertif) merupakan kumpulan latihan asertif dan diberikan aktiviti latihan asertif sebanyak lima bahagian.

2. Kumpulan LDK 2 (kawalan I) merupakan kumpulan kawalan yang tidak diberikan sebarang aktiviti latihan.

3. Kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) merupakan kumpulan latihan kemahiran sosial dan diberikan aktiviti latihan berbentuk perbincangan tentang kemahiran sosial.

4. Kumpulan LDK 4 (kawalan II) merupakan kumpulan kawalan yang tidak diberikan sebarang aktiviti latihan.

Jadual 3.1.1:

Reka bentuk "Solomon Four Groups Design"
(Empat Kumpulan Solomon).

Kumpulan	Ujian pra	Latihan	Ujian post
LDK 1 (latihan asertif)	U 1	X 1	U 2
LDK 2 (kawalan I)	U 1	K 1	U 2
LDK 3 (kemahiran sosial)	----	X 2	U 2
LDK 4 (kawalan II)	----	K 2	U 2

U1 - ujian pra

U2 - ujian post

X1 - aktiviti latihan asertif

X2 - aktiviti kemahiran sosial

K1 - kawalan I

K2 - kawalan II

Menurut Holdnak et al,. (1990) pembahagian kumpulan LDK mengikut Reka bentuk "Solomon Four Groups Design" (Empat Kumpulan Solomon) dapat dirumuskan seperti jadual 3.1.1 di atas.

Seterusnya Babbie (1992) telah membuat perbandingan tentang "Solomon Four Groups Design" (Empat Kumpulan Solomon), bagi semua kumpulan LDK di atas seperti jadual 3.1.2 di bawah:

Jadual 3.1.2 :

Perbandingan bagi semua kumpulan LDK.

LDK 1 (latihan asertif)	Ujian Pra	Aktiviti	Ujian Post	P E
LDK 2 (kawalan I)	Ujian Pra	----	Ujian Post	R B A N
LDK 3 (kemahiran sosial)	----	Aktiviti	Ujian Post	D I N G
LDK 4 (kawalan II)	----	----	Ujian Post	A N

Berdasarkan pembahagian kumpulan LDK tersebut, dijangkakan suatu perbandingan skor min berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) adalah seperti berikut:

1. Kumpulan LDK 1 (latihan asertif) - skor min ujian post akan melebihi skor min ujian pra.

2. Kumpulan LDK 2 (kawalan I) - skor min ujian post kumpulan LDK 1 (latihan asertif) akan melebihi skor min ujian post kumpulan LDK 2 (kawalan I) .

3. Kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) - skor min ujian post kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) akan melebihi skor min ujian pra kumpulan LDK 2 (kawalan I).

4. Kumpulan LDK 4 (kawalan II) - skor min ujian post kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) akan melebihi skor min ujian post kumpulan LDK 4 (kawalan II).

3.2 Lokasi kajian

Pengkaji telah menjalankan kajian ini bertempat di Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis. Lokasi ini dipilih setelah dipersetujui oleh Pengarah, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, setelah pengkaji mengadakan perundingan dan perbincangan dengannya.

Selain itu, tarikh dan waktu program Kursus Bina Negara yang dijalankan di lokasi ini iaitu dari 5 April 1997 hingga 10 April 1997

adalah bertepatan dengan cuti semester II pengajian pasca siswazah yang diikuti oleh pengkaji.

Di samping itu, penetapan awal jadual program Kursus Bina Negara yang telah ditetapkan oleh Bahagian Latihan, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri telah diperuntukkan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian.

Pemilihan lokasi ini juga disebabkan terdapat pelbagai kemudahan dan keperluan asas seperti tempat tinggal, kawasan latihan, dewan utama, bilik LDK, peralatan latihan, kemudahan makan dan minum, padang permainan, dan sebagainya. Kemudahan dan keperluan asas tersebut sangat penting bagi menjalankan kajian ini.

Seterusnya pengkaji mendapat bantuan nasihat, teknikal, dan sebagainya yang telah diberikan oleh para pegawai Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri.

3.3 Responden kajian

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan seramai 120 orang responden yang terdiri daripada pemimpin pelbagai persatuan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Pemilihan mereka sebagai responden kajian adalah berdasarkan kesesuaian mereka memegang

pelbagai jawatan seperti pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari, ketua penerangan atau ahli jawatankuasa.

Selain itu, seramai 120 orang responden dapat membentuk empat kumpulan LDK bagi menjalankan ujikaji bagi mendapatkan data yang boleh dianalisis dan ditafsir.

Di samping itu, program Kursus Bina Negara merupakan suatu siri kursus pembinaan diri adalah sewajarnya diikuti oleh pemimpin persatuan mahasiswa bagi membina tingkah laku asertif.

3.4 Instrumen pengukur kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga instrumen sebagai pengukur bagi memperolehi data kajian untuk dianalisis dan ditafsir. Instrumen tersebut ialah inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973), subjects units of discomfort scale (skor SUD's), dan borang maklum balas pemerhati (BMP).

3.4.1 Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973)

Pengkaji telah menggunakan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) sebagai instrumen pengukur kajian kerana inventori ini mempunyai 30

soalan meliputi pelbagai aspek tingkah laku serta sesuai dijalankan ujikaji terhadap responden. Selain itu, inventori ini telahpun digunakan oleh para pengkaji yang terdahulu dan dapatannya mencapai objektif kajian mereka.

Sebelum dijalankan ujian kepada responden, pengkaji telah menggunakan inventori ini sebagai ujian percubaan terhadap 60 orang pelajar tingkatan 6 atas, dari beberapa buah sekolah menengah, di sekitar Teluk Intan, Perak. Sewaktu ujian percubaan dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah kesahan muka (face validity) seperti dinyatakan oleh Thorndike (1991) bagi menentukan soalan ini difahami dan sesuai dengan kajian yang akan dijalankan.

Berdasarkan keputusan ujian percubaan tersebut, pengkaji telah menganalisis dan mentafsirkannya menggunakan perisian komputer SPSS for Windows, Release 6.0., version 1993. Analisis dan tafsiran ini bertujuan memperbaiki setiap pernyataan yang dipilih.

Hasil analisis dan tafsiran ujian percubaan menunjukkan keboleh percayaan pada alpha ialah 0.86. Keboleh percayaan ini sesuai untuk digunakan sebagai instrumen pengukur kajian ke atas responden yang dipilih (Nunnally, 1978) dalam Mahbob (1994).

Selain itu, pemilihan instrumen ini dibuat berdasarkan pandangan dan cadangan daripada para fasilitator dan jurulatih yang pernah

mengendalikan program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Mereka mendapati peserta program Kursus Bina Negara yang terdahulu tidak mempunyai inventori soalan yang diakui kesahannya sebelum dijalankan dalam sebarang latihan, terutama latiban asertif bagi pembinaan tingkah laku asertif.

Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) telah diberikan sebagai ujian pra bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan kumpulan LDK 2 (kawalan I). Seterusnya, inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) diberikan kepada semua responden bagi setiap kumpulan LDK sebagai ujian post setelah aktiviti latihan dalam kumpulan masing-masing selesai dijalankan.

Bagi maksud pemarkatan, pengkaji menggunakan skala Likert (Likert 1967) telah mencadangkan penggunaan satu set kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu institusi isu atau aktiviti. Oleh sebab inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) tidak membahagikan bentuk tingkah laku khusus yang hendak diubah, dan bagi memudahkan pemarkatan, pernyataan yang bersifat negatif akan ditukar tandanya kepada pernyataan yang bersifat posit-if. (lampiran 4).

3.4.2 Subjects units of discomfort scale (skor SUD's), dalam Cottler (1976)

Sebagai instrumen pengukur kajian yang kedua, pengkaji telah menggunakan subjects units of discomfort scale (skor SUD's), dalam Cottler (1976). Pengkaji menggunakan skor SUD's kerana peratus keselesaan dan peratus kecemasan responden dapat ditunjukkan dengan mudah berdasarkan nombor 0 (tahap selesa) hingga 100 (tahap tidak selesa) yang terdapat dalam borang tersebut.

Selain itu, borang skor SUD's mempunyai kebolehan mengukur tahap kecemasan responden dan menilai pencapaian mereka mereka melalui latihan asertif yang telah dijalankan. Penilaian untuk melihat tahap keselesaan responden diukur secara peratus. Peratus yang tinggi menunjukkan tahap keselesaan yang rendah, manakala peratus yang rendah menunjukkan tahap keselesaan yang tinggi. (lampiran 5).

3.4.3 Borang maklum balas pemerhati (BMP)

Instrumen pengukur kajian seterusnya yang telah digunakan oleh pengkaji ialah borang maklum balas pemerhati (BMP). Sebagai instrumen pengukur kajian untuk melihat kesan latihan asertif terhadap responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif), borang BMP diberikan kepada pemerhati untuk menandakannya sebagai ujian pra dan ujian pos.

Dalam hal ini, fasilitator dan jurulatih yang mengendalikan program Kursus Bina Negara dianggap sebagai pemerhati kerana selama kursus dijalankan, mereka sentiasa memerhati pergerakan setiap responden.

Pengkaji menggunakan borang BMP sebagai instrumen pengukur kajian kerana borang BMP mengandungi 10 soalan yang merangkumi beberapa kategori yang diberikan dalam aktiviti latihan asertif dan aktiviti kemahiran sosial.

Selain itu, borang BMP ditandakan oleh pemerhati sebanyak dua kali iaitu sebagai ujian pra dan ditandakan pada 5 April 1997 iaitu sewaktu responden mendaftarkan diri. Manakala ujian post dijalankan pada 10 April 1997 iaitu setelah responden selesai mengikuti program Kursus Bina Negara. Dengan cara ini, pengkaji dapat melihat perbezaan daripada jawapan responden, seterusnya analisis dan tafsiran data dapat dijalankan. (lampiran 6).

Bagi menjalankan ujikaji kajian, kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan kumpulan LDK 2 (kawalan I) telah diberikan ujian pra dan ujian post berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973). Manakala kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dan kumpulan LDK 4 (kawalan II) hanya diberikan ujian post sahaja yang masih berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973). Seterusnya bagi responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) mereka akan mengisi borang skor

SUD's untuk mengukur tahap kecemasan dan ketidak selesaan. Mereka juga dinilai oleh pemerhati melalui borang maklum balas pemerhati.

3.5 Analisis dan tafsiran data kajian

Analisis dan tafsiran data kajian dilakukan untuk mengukur, menilai, dan membuat perbandingan kesan latihan asertif dalam membina tingkah laku asertif di kalangan responden. Untuk tujuan ini, pengkaji mengkodkan data-data yang dikumpul dan diproses menggunakan Statistical Packages For The Social Science (SPSS) dan diproses dengan kaedah statistik. Selain itu pengkaji juga menggunakan kaedah diskriptif yang melibatkan peratusan dan diperkukuhkan dengan graf.

Dalam analisis dan tafsiran yang diproses dengan kaedah statistik, pengkaji merujuk kepada inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) menggunakan "ujian t" (t-test) pada aras keyakinan 0.05 bagi menganalisis dan mentafsir perbezaan yang wujud di antara data skor min ujian pra dan data skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Bagi menyokong dapatan tersebut, pengkaji merujuk Babbie (1992) untuk melihat perbezaan skor min melalui perbandingan antara kumpulan LDK.

Seterusnya, pengkaji telah menggunakan Analysis of varians (ANOVA) bagi menganalisis skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK untuk

melihat sama ada perbezaan skor min tersebut mempunyai signifikan atau tidak signifikan. Di samping itu pengkaji juga menggunakan ujian Scheffe untuk melihat hubungan bagi semua kumpulan LDK yang terlibat dalam ujikaji ini.

Analisis dan tafsiran data yang menggunakan kaedah diskriftif, pengkaji merujuk instrumen pengukur kajian berdasarkan borang skor SUD's dan borang BMP. Untuk mengukuhkan kesan latihan asertif bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif), skor SUD's min ujian pra dan skor SUD's min ujian post yang mencatatkan tahap kecemasan tingkah laku yang hendak diubah oleh responden setelah melalui laktiviti latihan, pemeringkatan 0 hingga 100 adalah digunakan. Skor min yang rendah menunjukkan tahap selesa yang tinggi, manakala skor min yang tinggi pula menunjukkan tahap kecemasan yang rendah.

Seterusnya skor min ini dianalisis dan ditafsir serta ditunjukkan dalam bentuk graf. Selain itu, skor SUD's dianalisis dan ditafsir mengikut kumpulan kecil A, B, C, D, dan E, yang terdiri daripada responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Analisis dan tafsiran skor SUD's bertujuan memudahkan dari segi petunjuk data dan graf di samping dapat memberikan gambaran yang jelas kepada dapatan kajian.

Borang BMP yang menggunakan skala Likert (Likert 1967) akan dianalisis dan ditafsir secara peratus. Setiap soalan diberi markah penuh 10, apabila responden menandakan jawapan (A) diberi 10 markah,

jawapan (B) diberi 7 markah, jawapan (C) diberi 5 markah, dan jawapan (D) diberi 2 markah. Semua markah dijumlahkan dan ditukarkan dalam bentuk peratus. Peratus yang tinggi menunjukkan keberkesanan latihan, manakala peratus yang kurang menunjukkan kesan sebaliknya.

3.6 Pentadbiran kajian

Sebelum memulakan kajian, pengkaji telah membuat bebarapa perancangan, pertemuan, perbincangan, dan urusan surat menyurat sebagai suatu perkaedahan dan prosedur kajian. Pentadbiran dan pelaksanaan kajian yang sistematik sangat penting supaya dapatan kajian mencapai objektif. Jadual 3.6.1 di bawah menunjukkan ringkasan pentadbiran yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

Jadual 3.6.1:

Ringkasan jadual pentadbiran kajian.

Tarikh	Prosedur dan perkaedahan tindakan
Disember 1996	Pengkaji mencadangkan tajuk kajian kepada penyelaras Pengajian Pasca Siswazah, UNIMAS. Setelah mengadakan perbincangan, kelulusan diberikan.
4 Januari 1997	Pengkaji menyerahkan proposal awal kepada penyelaras Pengajian Pasca Siswazah, UNIMAS. Seterusnya diterima dan mendapat kelulusan.

27 Januari 1997	Pengkaji memohon kebenaran menjalankan kajian terhadap peserta program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, sebagai responden kajian. (lampiran 1).
4 Februari 1997	Pengkaji mendapat kebenaran bersurat daripada Pengarah, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, untuk menjalankan kajian di Kem Bina Negara, Kaki Bukit, Perlis, (lampiran 2).
Februari 1997	Penyelaras Pengajian Pasca Siswazah, UNIMAS memaklumkan kepada pengkaji nama pensyarah penyelia bagi kajian ini, iaitu Dr. Hazman Shah Bin Abdullah, dari ITM, Shah Alam, untuk membimbing dan menyelia kajian yang akan dijalankan.
Februari 1997	Pengkaji menemui dan berbincang dengan Pengarah, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, di Ipoh. Perbincangan tentang kajian yang akan dijalankan. Menentukan tarikh, responden, dan lokasi untuk menjalankan ujikaji latihan asertif melalui program Kursus Bina Negara.
Mac 1997	Pengkaji menghantar proposal kajian kali pertama (bab 1), kepada pensyarah penyelia. Mengadakan perjumpaan di ITM, Shah Alam. Perbincangan dan menerima semula proposal dengan beberapa pembetulan serta cadangan.
2 April 1997	Pengkaji menjalankan ujian percubaan terhadap 60 orang pelajar tingkatan 6 atas, di sekolah menengah sekitar Teluk Intan, Perak.
4 April 1997	Pengkaji menghantar kajian kali kedua (bab 2-3) kepada pensyarah penyelia. Mengadakan perjumpaan dengan penyelia di ITM, Shah Alam. Perbincangan dan menerima semula proposal dengan beberapa pembetulan serta cadangan.

5 April - 10 April 1997	Pengkaji menjalankan kajian ujikaji latihan asertif kepada peserta program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, di Kem Bina Negara, Kaki Bukit, Perlis.
Mei 1997	Pengkaji menghantar proposal kali ketiga (bab 3-4) kepada penyelia melalui kiriman pos dari UNIMAS. Perjumpaan dan perbincangan dengan penyelia di UNIMAS. Membuat beberapa pembetulan dan tambahan tentang proposal kajian.
18 Jun 1997	Pengkaji menghantar kali keempat (penulisan penuh) kajian kepada pensyarah penyelia. Menerima semula penulisan penuh kajian daripada penyelia. Pertemuan di UNIMAS, berbincang dan memperbaiki semula penulisan.
1 Julai 1997	Pengkaji menghantar hasil penulisan kajian terakhir kepada penyelaras Pengajian Pasca Siswazah, UNIMAS.
18 Julai 1997	Viva - tesis dikendalikan oleh: Prof. Madya Dr. Abdullah Mohd Nor (UKM) Dr. Gabriel Tonga Noweg (UNIMAS) Dr. Hazman Shah Abdullah (ITM)

3.7 Pelaksanaan kajian

Pelaksanaan kajian bermula pada 5 April 1997, jam 10.45 pagi, apabila seramai 120 orang responden telah sampai di Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit,

Perlis. Mereka akan mengikuti program Kursus Bina Negara, yang dikendalikan oleh Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, sehingga 10 April 1997. Setelah responden mendaftarkan diri, program Kursus Bina Negara pun dimulakan. (lampiran 3).

Ketika menjalankan kajian, pengkaji telah membahagikannya kepada dua pelaksanaan iaitu pelaksanaan kajian (i) dan pelaksanaan kajian (ii).

3.7.1 Pelaksanaan kajian (i)

Sewaktu pelaksanaan kajian (i), pengkaji bersama-sama urus setia, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, telah mengadakan dua kali pertemuan dengan responden.

3.7.1.1 Pertemuan kali pertama

Tarikh	:	5 April 1997
Waktu	:	2.30 petang - 4.30 petang
Tempat	:	Dewan utama, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Pertemuan kali pertama telah diadakan dalam kumpulan besar. Dalam pertemuan tersebut, urus setia program Kursus Bina Negara telah memberikan sebuah file dan sebiji telur ayam sebagai "tanggungjawab"

kepada setiap responden. Responden dimestikan menjaga dan membawa bersamanya telur ayam tersebut sepanjang waktu ketika mengikuti program Kursus Bina Negara.

Kemudian responden diberikan taklimat menyeluruh tentang program Kursus Bina Negara oleh Encik Abdul Shukor Bin Desa, Penolong Pengarah (Bahagian Latihan), Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Beliau meminta responden berdisiplin dan mematuhi semua peraturan sewaktu mengikuti kursus agar perjalanan keseluruhan program Kursus Bina Negara lancar dan berkesan.

Selain itu, responden telah memilih ahli jawatankuasa di kalangan mereka untuk membantu urus setia melicinkan lagi perjalanan program Kursus Bina Negara. Di samping itu, responden dilatih menyanyikan lagu "Wawasan 2020" yang menjadi lagu tema bagi program Kursus Bina Negara serta dinyanyikan sebelum memulakan sesuatu program.

Seterusnya, responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan LDK seperti dinyatakan di atas. Setiap kumpulan LDK mempunyai peranan serta aktiviti yang telah dirancang dan ditetapkan. Setiap kumpulan LDK dikehendaki memilih seorang ketua, mencipta logo, slogan, dan etika yang akan menjadi pegangan serta panduan setiap responden bagi kumpulan LDK sepanjang mengikuti program Kursus Bina Negara.

Selain itu, secara umum pertemuan kali pertama bertujuan:

1. Untuk berkenalan serta mewujudkan rasa kemesraan di kalangan responden.

2. Untuk mengurangkan rasa malu di kalangan responden terutama apabila mereka melakukan pelbagai aktiviti dalam kumpulan LDK masing-masing.

3. Untuk membina serta meningkatkan semangat kerjasama dan berpasukan di kalangan responden bagi setiap kumpulan LDK.

4. Untuk menjelaskan falsafah, tujuan, objektif, dan harapan program Kursus Bina Negara yang dijalankan kepada responden.

3.7.1.2 Petemuan kali kedua

Tarikh	:	6 April 1997
Waktu	:	8.30 pagi - 10.30 pagi
Tempat	:	Dewan utama dan bilik LDK, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Bahagian awal pertemuan kali kedua, semua responden berada dalam kumpulan LDK masing-masing. Kemudian mereka berkumpul dalam dewan utama untuk mendengar taklimat daripada pengkaji tentang prosedur dan perkaedahan aktiviti latihan yang akan dijalankan.

Antara lain pengkaji telah:

1. Memberikan penerangan kepada responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan LDK 2 (kawalan I) untuk menjalani ujian pra dengan merujuk kepada inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973).

2. Menerangkan kepada responden dari kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan LDK 3 (kemahiran sosial) bahawa mereka dikehendaki mengikuti aktiviti latihan sebanyak lima bahagian mengikut jadual yang telah ditetapkan. Dalam penulisan ini, pengkaji hanya membincangkan aktiviti latihan asertif yang dilakukan oleh kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

3. Kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dikendalikan sendiri oleh pengkaji.

4. Kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) yang melakukan aktiviti perbincangan tentang kemahiran sosial dikendalikan oleh dua orang fasilitator.

5. Kumpulan LDK 2 (kawalan I) dan kumpulan LDK 4 (kawalan II) tidak diberikan sebarang aktiviti latihan. Bagaimanapun mereka tetap diawasi oleh dua orang fasilitator bagi setiap kumpulan LDK.

Selain itu, pengkaji telah mengingatkan kepada semua responden bahawa mereka akan menjawab sekali lagi ujian post berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) pada pelaksanaan kajian (ii) pada 9 April 1997, jam 10.55 pagi hingga 12.55 tengah hari, di dewan utama, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Seterusnya, pengkaji telah memberikan penerangan dan perbincangan kepada responden tentang:

1. Latihan asertif dan tingkah laku yang akan dilatih pembinaannya di kalangan responden dalam aktiviti latihan mengikut kumpulan LDK masing-masing.

2. Perbezaan antara tingkah laku asertif, pasif, dan agresif.

Pada bahagian pertengahan, dalam pertemuan kali kedua, semua responden bagi setiap kumpulan LDK bersama fasilitator masing-masing mula menjalankan aktiviti yang telah ditetapkan di bilik LDK. Perbincangan tentang latihan asertif, perbezaan antara tingkah laku asertif, pasif, dan agresif akan dilakukan melalui aktiviti main peranan kepada keadaan yang telah ditetapkan. Semasa perbincangan, penerangan tentang perbezaan ketiga-tiga tingkah laku tersebut telah diberikan oleh fasilitator dalam setiap kumpulan LDK.

Di bahagian akhir, pertemuan kali kedua, fasilitator telah mengedarkan senarai semakan untuk melihat kefahaman responden tentang tingkah laku asertif. Selepas itu, skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan LDK 2 (kawalan I) telah dianalisis dan ditafsir untuk melihat tindak balas responden yang tidak asertif. Tindak balas tidak asertif yang banyak diberikan melalui soalan tertentu akan dijadikan pernyataan bagi tujuan untuk diberikan latihan.

Berdasarkan analisis dan tafsiran keputusan ujian pra, pengkaji telah menyenaraikan sejumlah 12 pernyataan yang difokuskan sepanjang aktiviti latihan asertif iaitu:

1. Menganggap kebanyakan orang lain lebih agresif.
2. Sukar untuk menyatakan sesuatu yang tidak memuaskan hati.
3. Berhati-hati bagi mengelakkan dari menyakiti perasaan orang lain.
4. Sukar meminta penjelasan bila menerima sebarang arahan.
5. Lebih suka menyimpan perasaan daripada menyatakannya.
6. Sukar menyatakan sesuatu pendapat yang berbeza.
7. Malu membincangkan secara terbuka dengan seseorang yang telah mengkritik tingkah laku anda.
8. Timbul rasa takut ketika dalam perbincangan.
9. Tidak akan bertengkar dengan orang lain.
10. Sukar menyatakan "tidak" apabila menerima sesuatu pelawaan.
11. Sukar menerima kritikan orang lain.
12. Sukar melahirkan perasaan penghargaan.

Setiap aktiviti latihan asertif yang telah dilakukan oleh responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) menghuraikan lebih lanjut pernyataan di atas.

3.8 Aktiviti latihan bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)

Sewaktu menjalankan aktiviti latihan asertif bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif), pengkaji telah membahagikan aktiviti latihan tersebut kepada lima bahagian iaitu:

3.8.1 Aktiviti latihan bahagian 1

Tarikh	:	6 April 1997
Waktu	:	2.30 petang - 4.30 petang
Tempat	:	Bilik LDK, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Matlamat latihan bahagian 1 ialah untuk perubahan tingkah laku responden berdasarkan tiga pernyataan iaitu:

1. Menganggap kebanyakan orang lain lebih agresif.
2. Sukar untuk menyatakan sesuatu yang tidak memuaskan hati.
3. Berhati-hati untuk mengelakkan daripada menyakiti perasaan orang lain.

Dengan kedudukan responden seperti suatu bulatan dan pengkaji duduk di hadapan, aktiviti latihan bahagian 1 dimulakan.

3.8.1.1 Proses permulaan (60 minit)

Pengkaji dan semua responden yang beragama Islam memulakan aktiviti latihan bahagian 1 dengan membaca surah Al-Fatihah. Seterusnya pengkaji berkenalan (takruf) dengan semua responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Pengkaji memperkenalkan diri dan latar belakangnya serta menceritakan secara ringkas suatu peristiwa manis dan suatu peristiwa pahit yang pernah dialaminya. Peristiwa tersebut adalah pengalaman penting bagi panduan menempuh kehidupan pada masa hadapan.

Kemudian semua responden bergilir-gilir memperkenalkan diri, latar belakang, dan memberikan suatu contoh peristiwa manis dan suatu contoh peristiwa pahit yang pernah dialami. Melalui aktiviti ini semua responden diminta mengingati nama dan mengingati peristiwa manis serta peristiwa pahit rakan-rakan dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Berdasarkan pengenalan latar belakang diri dan kenangan peristiwa manis dan peristiwa pahit yang pernah dialami, setiap responden dapat mengenali lebih dekat tingkah laku rakan-rakan.

3.8.1.2 Proses pertengahan (50 minit)

Pengkaji meminta setiap responden menyenaraikan nama lima orang yang paling tidak disukai mengikut susunannya jika mereka diminta untuk menemuinya. Seterusnya pengkaji telah melahirkan suatu

keadaan berupa andaian berdasarkan kepada tiga pernyataan di atas iaitu:

> "Anda masih belum menyiapkan dan menghantar tugasan kertas projek suatu subjek teras, sedangkan tempoh yang diberikan telah tamat. Anda tidak dapat menyiapkan tugasan tersebut kerana anda menghadapi masalah peribadi sehingga mengganggu fikiran dan pelajaran anda sejak seminggu yang lepas. Anda dikehendaki berjumpa pensyarah subjek tersebut, iaitu seorang yang dikenali sangat tegas untuk menyatakan keadaan sebenar. Seterusnya anda meminta pensyarah berkenaan melanjutkan tempoh tiga hari lagi supaya anda dapat menyiapkan tugasan tersebut".

Pengkaji dan responden berbincang tentang tindakan yang perlu dilakukan sewaktu berjumpa dengan pensyarah berkenaan untuk menyatakan hasrat tersebut. Antara perkara yang perlu dilakukan ialah:

1. Memastikan pensyarah berkenaan berada dalam "mood" yang baik. Jika tidak, anda hendaklah menunggu sehingga waktu yang sesuai. Sebaliknya, jika pensyarah berkenaan berada dalam "mood" yang baik, anda bolehlah meneruskan maksud yang sebenarnya.

2. Mengetuk pintu bilik pensyarah berkenaan dan memberikan ucapan salam atau selamat sejahtera kepadanya.

3. Memberitahu tujuan sebenar kedatangan anda.

4. Memberitahu masalah sebenar yang anda hadapi.

5. Meminta jasa baik pensyarah berkenaan memberikan tempoh tiga hari lagi kepada anda bagi menyiapkan dan menghantar tugasan tersebut.

6. Memberikan ucapan penghargaan.

Dalam aktiviti ini, pengkaji meminta setiap responden melakonkan aktiviti yang dibincangkan tersebut di hadapan cermin mengikut urutan awal hingga akhir. Selain itu, responden juga diminta memerhatikan mimik mukanya sewaktu berjumpa pensyarah berkenaan dan membuat permohonan. Ketika melakonkan aktiviti ini, waktu yang mencukupi diberikan kepada responden sehingga mereka selesa dan sempurna menyampaikan dialog tersebut.

Pengkaji melatih responden melakukan latihan pengenduran sambil menunjukkan cara-cara melakukan aktiviti pengenduran di bahagian otot tertentu seperti di tangan, bahu, mulut, tengkuk, kepala, perut, betis, dan kaki.

Responden diminta membezakan keadaan otot tegang sewaktu proses berjalan dan sewaktu proses pengenduran dilakukan. Selepas itu, setiap responden diminta duduk dalam keadaan yang paling selesa sambil memejamkan mata; manakala pengkaji memulakan latihan. Dalam melakukan latihan pengenduran otot, ia bermula dari bahagian tangan hingga ke bahagian kaki.

Seterusnya pengkaji meminta semua responden menghayati apa yang akan diperkatakannya, iaitu:

> "Anda akan dibawa berada dalam keadaan yang releks dan selesa. Apabila anda benar-benar berada dalam keadaan tersebut, cuba bayangkan bagaimana keadaan anda sewaktu berjumpa dengan pensyarah berkenaan seperti

yang telah dibincangkan. Sekiranya anda berjaya bersemuka dengan pensyarah yang anda takuti, bayangkan pula bagaimana keadaan anda seterusnya sewaktu bersemuka dengan pensyarah lain yang lebih ditakuti. Sekiranya anda berasa kurang selesa, ulangi semula proses pengenduran".

3.8.1.3 Proses akhir (10 minit)

Dalam bahagian ini pengkaji berbincang dengan responden tentang apa yang telah mereka alami sewaktu proses pengenduran tersebut. Responden juga telah diminta menyatakan pendapat masing-masing tentang proses pengenduran yang telah mereka alami.

Sebelum aktiviti latihan bahagian 1 ditangguhkan, pengkaji telah merumuskan:

1. Perasaan "takut" menyebabkan kita sering menganggap bahawa kebanyakan orang lain lebih agresif. Melalui aktiviti latihan asertif perasaan tersebut dapat dikurangkan.

2. Keadaan diri yang tenang dan selesa membolehkan kita menyatakan sesuatu dengan lebih yakin dan dapat mengelakkan diri daripada menyakiti perasaan orang lain.

3. Latihan asertif yang diberikan, boleh dipraktikkan dalam kehidupan kita seharian terutama bagi menghadapi keadaan yang boleh menimbulkan rasa cemas yang berlebihan.

Sebelum menangguhkan aktiviti latihan bahagian 1, pengkaji bersama-sama responden yang beragama Islam membaca surah Al-Asr'.

3.8.2 Aktiviti latihan bahagian 2

Tarikh	:	7 April 1997
Waktu	:	8.30 pagi - 10.30 pagi
Tempat	:	Bilik LDK, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Dalam aktiviti latihan bahagian 2 matlamat latihan asertif ditumpukan kepada tiga pernyataan yang dialami oleh responden iaitu:

1. Sukar meminta penjelasan bila menerima sebarang arahan.
2. Lebih suka menyimpan perasaan daripada menyatakannya.
3. Sukar menyatakan sesuatu pendapat yang berbeza.

Dengan kedudukan responden seperti suatu bulatan dan pengkaji duduk di hadapan, aktiviti latihan bahagian 2 dimulakan.

3.8.2.1 Proses permulaan (40 minit)

Pengkaji bersama-sama semua responden yang beragama Islam memulakan aktiviti latihan bahagian 2 dengan membaca surah Al-Fatihah. Seterusnya pengkaji meminta responden menyatakan apa yang mereka perolehi setelah melakukan aktiviti latihan bahagian 1.

Pengkaji meminta responden memberikan pendapat mengapa mereka "sukar meminta penjelasan bila menerima sebarang arahan". Setelah mengadakan perbincangan, responden menjelaskannya kerana:

1. "Takut" dimarahi.
2. Berasa "malu".
3. "Takut" dikatakan cerewet.
4. "Takut" dikatakan tidak memberi perhatian, dan sebagainya.

Seterusnya pengkaji melahirkan suatu keadaan latihan berdasarkan maklum balas responden iaitu:

> "Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) telah memberikan suatu arahan penting untuk program mahasiswa yang perlu persatuan anda lakukan. Bagaimanapun, arahan tersebut agak kabur dan maklumatnya kurang jelas".

Dalam hal ini, responden telah memberikan jawapan seperti berikut:

1. Saya akan buat berdasarkan apa yang saya faham.
2. Saya cuba bertanyakan kepada ahli jawatankuasa lain.
3. Saya turutkan apa yang ahli jawatankuasa lain lakukan.
4. Saya berterus terang, dan mengatakan tidak faham.

Pengkaji meminta beberapa orang responden cuba menyelesaikan permasalahan tersebut dan bertanya terus kepada Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dengan menggunakan dialog mereka sendiri yang lebih asertif. Pengkaji memberikan beberapa contoh ungkapan dalam menyatakan ketidak fahaman tersebut:

1. "Maafkan saya Profesor Datuk, saya kurang jelas dengan maksud sebenar arahan daripada Profesor Datuk. Bolehkah Profesor Datuk jelaskan maksud sebenar kandungan surat tersebut".

2. "Profesor Datuk! bolehkah Profesor Datuk menjelaskan sekali lagi arahan seperti yang terkandung dalam surat Profesor Datuk baru-baru ini".

3. "Profesor Datuk! bolehkah dijelaskan maksud arahan dari surat Profesor Datuk tentang ungkapan pada perenggan kedua ini".

Seterusnya pengkaji meminta setiap responden berlatih melafazkan ungkapan tersebut di hadapan cermin. Sambil itu, pengkaji turut memberikan perhatian dari segi verbal dan bukan verbal terutama dari aspek intonasi suara, kelancaran melahirkan ungkapan, mimik muka, dan kontak mata. Selepas responden selesa dengan ungkapan tersebut secara verbal dan bukan verbal, pengkaji beralih pula kepada pernyataan selanjutnya.

3.8.2.2 Proses pertengahan (40 minit)

Bagi pernyataan yang mengatakan responden "lebih suka menyimpan perasaan daripada menyatakannya", pengkaji telah melahirkan suatu soalan kepada responden, iaitu:

"Di kalangan anda siapakah yang pernah meminjamkan wang kepada rakan, tetapi sehingga sekarang masih belum dijelaskannya?".

Daripada pertanyaan tersebut, seramai 19 orang responden pernah mengalami keadaan tersebut. Bagaimanapun, apabila dikemukakan pertanyaan, mereka tidak sampai hati untuk meminta kembali kerana:

1. Berasa "malu".
2. Berasa "segan".
3. "Takut" rakan berkecil hati, dan
4. "Bimbang" persahabatan akan renggang.

Seterusnya pengkaji meminta seorang responden memainkan peranan sebagai pemberi hutang dan seorang lagi responden sebagai si berhutang. Kemudia responden yang memberi hutang cuba meminta semula hutang tersebut secara sindiran. Aktiviti ini dilakonkan secara bergilir-gilir.

Selepas melakonkan aktiviti tersebut, pengkaji bertanyakan kepada si berhutang apakah perasaannya apabila si pemberi hutang meminta dibayar hutang dengan cara sindiran. Dalam hal ini, si berhutang menjawab:

1. Mereka berasa malu, terhina, dan sangat marah.

2. Pada mulanya ada niat untuk membayar, tetapi sekarang mereka langsung tidak mahu membayarnya.

3. Orang yang memberi hutang agak zalim dan tidak bertimbang rasa kerana tidak sabar untuk mendapatkan semula wangnya.

Dalam hal ini, pengkaji memberikan contoh ungkapan yang sepatutnya diungkapkan oleh si pemberi hutang apabila hendak meminta si berhutang menjelaskan kembali hutangnya, iaitu:

> "Rahman, maafkan saya, anda ingat tak, sebelum cuti semester dahulu anda ada meminjam wang saya sebanyak RM 70.00. Boleh tak anda jelaskan sekarang kerana saya begitu memerlukannya untuk membeli buku".

Berdasarkan contoh ungkapan tersebut, si berhutang menyatakan keselesaannya dan bersedia menjelaskan hutang tersebut secepat mungkin kerana permintaan tersebut adalah berdasarkan keikhlasan dari si pemberi hutang.

Seterusnya pengkaji meminta setiap orang responden melafazkan contoh ungkapan tersebut di hadapan rakan secara berpasangan dengan cara yang betul sambil dibimbingi oleh pengkaji.

3.8.2.3 Proses akhir (40 minit)

Bagi pernyataan "sukar menyatakan sesuatu pendapat yang berbeza", pengkaji melahirkan suatu keadaan seperti berikut:

"Dalam suatu mesyuarat ahli jawatankuasa Persatuan Bahasa Melayu, salah seorang ahli jawatankuasa telah mencadangkan agar yuran tahunan persatuan tersebut dinaikkan dari RM 15.00 kepada RM 50.00. Anda tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Apakah tindakan anda tentang keadaan tersebut?".

Jawapan yang diberikan oleh responden ialah:

1. Merungut dalam hati.
2. Menyuruh rakan lain membuat bantahan.
3. Mencemikkan muka sambil menjuihkan mulut.
4. Mengeluh dan menunjukkan reaksi tidak setuju.

Dalam hal ini, pengkaji menunjukkan contoh bagaimana seharusnya responden lakukan bagi menghadapi suasana tersebut.

1. "Saudara Pengerusi, maafkan saya, saya kurang bersetuju dengan cadangan saudara Ahmad Fahmi tentang menaikkan yuran tahunan Persatuan Bahasa Melayu yang begitu tinggi kerana .....".
2. "Saudara Pengerusi, walaupun cadangan saudara Ahmad Fahmi itu baik, tetapi pada waktu ini keadaan kewangan ahli persatuan tidak begitu kukuh, saya cadangkan .....".

Seterusnya pengkaji meminta semua responden melafazkan contoh ungkapan tersebut sehinggalah bersesuaian dengan nada dan mimik muka masing-masing. Responden juga diminta mencari suatu suasana sendiri untuk meneruskan latihan.

Sebelum menangguhkan aktiviti latihan bahagian 2, semua responden diminta menyatakan harapan mereka selepas tamat menjalani aktiviti latihan bahagian 2. Pengkaji menggalakkan responden menggunakan latihan ini untuk dipraktikkan dalam aktiviti kehidupan seharian agar keberkesanannya memberikan hasil yang positif.

Sebelum menangguhkan aktiviti latihan bahagian 2, pengkaji dan responden yang beragama Islam membaca surah Al-Asr'.

3.8.3 Aktiviti latihan bahagian 3

Tarikh	:	7 April 1997
Waktu	:	2.30 petang - 4.30 petang
Tempat	:	Bilik LDK, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Dalam aktiviti latihan bahagian 3, latihan asertif mempunyai matlamat berdasarkan tiga pernyataan responden iaitu:

1. Malu membincangkan secara terbuka dengan seseorang yang telah mengkritik tingkah laku anda.
2. Timbul rasa takut ketika dalam perbincangan.
3. Tidak akan bertengkar dengan orang lain.

Dengan kedudukan responden seperti suatu bulatan dan pengkaji duduk di hadapan, aktiviti latihan bahagian 3 dimulakan.

3.8.3.1 Proses permulaan (40 minit)

Pengkaji bersama-sama semua responden yang beragama Islam memulakan aktiviti latihan bahagian 3 dengan membaca surah Al-Fatihah. Seterusnya pengkaji mendapatkan maklum balas tentang kesan aktiviti latihan bahagian 2, dari aspek perubahan tingkah laku responden.

Pengkaji melahirkan suatu keadaan yang tegang apabila memarahi serta mengkritik lapan orang responden yang secara kebetulan terlewat lima minit dan tujuh orang daripada responden tersebut tidak memakai tanda nama sewaktu menghadiri aktiviti latihan bahagian 3. Dalam hal ini, pengkaji menyatakan:

> "Mengapa anda lewat?. Sebagai seorang mahasiswa dan pemimpin persatuan, serta bakal pemimpin negara pada masa hadapan, nampaknya anda tidak berdisiplin, tidak menghormati rakan, dan tidak mementingkan waktu. Jika begini anda memang pemalas, tidak serius, dan tidak beretika. Ini juga memang menggambarkan keadaan anda yang sebenarnya sewaktu berada di kampus. Jika beginilah, bagaimana anda boleh mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan persatuan?".

Semua responden tersebut tidak menjawabnya. Seterusnya pengkaji bertanyakan kepada responden yang berkenaan tentang perasaan

mereka ketika dimarahi dan dikritik sedemikian rupa di hadapan khalayak ramai. Mereka memberikan jawapan seperti berikut:

1. Rasa malu.
2. Marah.
3. Menyesal.
4. Menerima kerana wajar dimarahi dan dikritik sedemikian.

Melalui model main peranan, pengkaji menunjukkan peranan yang sepatutnya bagaimana memberi tindak balas terhadap kemarahan serta kritikan tersebut iaitu:

1. "Encik, maafkan saya kerana terlewat. Saya tidak sengaja dan berjanji tidak mengulangi lagi keadaan seperti ini. Bagaimanapun, saya sedih dan kurang bersetuju apabila dikatakan pemalas, tidak serius, dan tidak beretika di hadapan khalayak ramai tanpa sebarang usul periksa".

2. "Encik, memang benar saya terlewat, tetapi saya tidak bersetuju dan kesal dengan tuduhan encik bahawa saya pemalas, tidak serius, dan tidak beretika. Saya minta maaf kerana terlewat. Saya berjanji perkara ini tidak berulang lagi".

Seterusnya pengkaji meminta responden mencari pasangan dan melakukan aktiviti main peranan seperti contoh di atas. Latihan ini diteruskan sehingga semua responden berasa selesa menggunakan ungkapan tersebut.

3.8.3.2 Proses pertengahan (40 minit)

Bagi memberikan latihan asertif terhadap pernyataan, "timbul rasa takut ketika dalam perbincangan", pengkaji membahagikan responden kepada dua kumpulan kecil dengan perbincangan bertajuk:

> "Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974, merupakan penghalang untuk melahirkan kepimpinan mahasiswa yang peka dan prihatin terhadap masalah rakyat".

Satu kumpulan responden bertindak sebagai pencadang, manakala satu kumpulan responden lagi bertindak sebagai pembangkang. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati kebanyakan responden bersikap pasif sewaktu perbincangan dijalankan. Akibatnya, perbincangan tersebut berjalan dalam keadaan yang tidak lancar dan tidak mencapai tahap yang sepatutnya.

Apabila pengkaji bertanyakan mengapakah terjadi demikian, responden menjawab seperti berikut:

1. Segan dan malu.
2. Takut idea tidak betul dan tidak diterima.
3. Risau ditertawakan oleh rakan.
4 Tidak tahu bagaimana hendak memulakan ucapan.

Seterusnya pengkaji menunjukkan beberapa contoh bagaimana yang sepatutnya untuk memulakan ucapan:

1. "Maafkan saya, bolehkah saya memberikan pandangan .....".
2. "Saudara Pengerusi, pada pendapat saya .....".
3. "Saudara Pengerusi, cadangan saudari Norizan itu mungkin ada kebenarannya, bagaimanapun saya melihat dari perspektif yang berlainan".
4. "Saya bersetuju dengan pandangan saudara Rorzali itu, tetapi mungkin lebih kemas lagi jika kita .....".

Semua responden diminta meneruskan perbincangan dengan menggunakan ungkapan di atas sebagai asasnya. Seterusnya pengkaji memberikan bimbingan kepada responden jika difikirkan wajar. Proses ini dibiarkan berterusan sehingga semua responden menunjukkan rasa selesa dan suasana perbincangan menjadi hangat dan menarik.

3.8.3.3 Proses akhir (40 minit)

Bagi latihan untuk pernyataan "tidak akan bertengkar dengan orang lain", pengkaji meminta responden memberikan pendapat mereka secara menyeluruh mengapakah mereka tidak suka bertengkar. Antara jawapan yang dilahirkan oleh mereka ialah:

1. Takut orang lain berkecil hati.

2. Bimbang akan mencetuskan pergaduhan.

3. Berasa tidak selesa.

4. Malas hendak melayan.

Pengkaji meminta dua orang responden melakonkan aktiviti main peranan bertengkar berdasarkan ingatan "imbas kembali" yang pernah mereka alami. Melalui pemerhatian terhadap aktiviti tersebut, pengkaji mendapati bahawa perkara yang diperdebatkan bukanlah bertumpu kepada isu sebenar tetapi lebih menyentuh soal-soal peribadi pihak rakan.

> "Yusof, kamu ni teruk betul, asyik berjalan sahaja, peperiksaan dah hampir, kamu tak bimbang langsung nampaknya".

Pengkaji menunjukkan contoh bagaimana untuk melahirkan ungkapan yang boleh menuju kepada tingkah laku atau isu sebenar yang menjadi persoalan pokok.

> "Yusof, maafkan saya, peperiksaan dah hampir, tetapi saya nampak kamu asyik berjalan sahaja".

Responden menyatakan mungkin Yusof akan menjawab:

> "Engkau peduli apa, jangan jaga tepi kain orang".

Pengkaji menerangkan jika keadaan nampak tegang dan tidak menyenangkan, eloklah beredar dahulu dari keadaan tersebut dan berbincang semula apabila keadaan kembali tenang.

Shukran	:	"Yusof, boleh tak saya nak bercakap sebentar dengan kamu?".
Yusof	:	"Baiklah".
Shukran	:	"Yusof, saya perhatikan sejak kebelakangan ini kamu asyik berjalan sahaja, sedangkan peperiksaan dah hampir, sepatutnya kamu bersiap sedia untuk menghadapinya".
Yusof:		"Kau apa tau, aku ada masalah dengan tunang aku, sebab tu aku selalu keluar, aku taulah jaga diri, kau janganlah sebuk, jagalah diri sendiri".
Shukran	:	"Tapi, tadi kamu dah setuju membincangkan ".
Yusof	:	"Ah... tak perlu".

Pengkaji seterusnya memberikan penekanan tentang apa dan bagaimana harus bertindak balas dalam suasana tegang. Kemudian secara berpasangan responden diminta melakonkan suasana yang serupa atau suasana sendiri.

Sebelum menangguhkan aktiviti latihan bahagian 3, pengkaji terlebih dahulu meminta pandangan semua responden tentang apa yang telah mereka perolehi melalui aktiviti latihan bahagian 3 ini.

Akhir sekali pengkaji menanggukan aktiviti latihan bahagian 3 dengan membaca surah Al-Asr'bersama-sama responden beragama Islam.

3.8.4 Aktiviti latihan bahagian 4

Tarikh	:	8 April 1997
Waktu	:	8.30 pagi - 10.30 pagi
Tempat	:	Bilik LDK, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Dalam aktiviti latihan bahagian 4, matlamat latihan asertif yang diberikan kepada responden ialah untuk mengatasi tiga pernyataan iaitu:

1. Sukar menyatakan "tidak" apabila menerima sesuatu pelawaan.
2. Sukar menerima kritikan orang lain.
3. Sukar melahirkan perasaan penghargaan.

Dengan kedudukan responden seperti suatu bulatan dan pengkaji duduk di hadapan, aktiviti latihan bahagian 2 dimulakan.

3.8.4.1 Proses permulaan (40 minit)

Pengkaji bersama-sama semua responden yang beragama Islam memulakan aktiviti latihan bahagian dengan membaca surah Al-Fatihah.

Sebagai latihan asertif bagi mengatasi pernyataan "sukar menyatakan 'tidak' apabila menerima sesuatu pelawaan", pengkaji telah melahirkan suatu keadaan seperti berikut:

> "Anda baharu sahaja pulang dari kampung kerana menziarahi keluarga anda yang ditimpa kemalangan. Sebaik sahaja tiba, penasihat persatuan anda mempelawa anda untuk membantu menjalankan kerja pemasangan khemah di padang kerana persatuan mahasiswa universiti anda akan mengadakan pesta konvokesyen tidak lama lagi".

Berdasarkan suasana tersebut, apakah tindakan yang harus anda lakukan. Antara jawapan yang diberikan oleh responden ialah:

1. Terpaksa melakukannya walaupun amat penat.
2. Bersetuju dengan pelawaan tersebut, tetapi meminta membuat kerja lain yang lebih ringan.
3. Tidak memperdulikannya.

Dalam hal ini pengkaji menunjukkan beberapa contoh tindak balas yang lebih sesuai untuk menghadapi suasana tersebut:

1. "Maafkan saya Dr., saya baharu sahaja sampai dari kampung, dan amat penat. Bolehkah saya dirikannya esok?".

2. "Maafkan saya Dr., saya tidak dapat menyempurnakan tugas tersebut kerana .....".

3. "Maafkan saya Dr., saya tidak mampu melakukan tugas ini. Bagaimanapun saya minta diberikan tugas lain yang lebih ringan".

Pengkaji meminta responden secara berpasangan melakonkan aktiviti main peranan berdasarkan ungkapan seperti di atas. Aktiviti ini dilakukan secara bergilir-gilir hingga semua responden berasa selesa dan sempurna dari segi kelancaran verbal dan bukan verbal. Pasangan responden juga digalakkan mencari keadaan sendiri untuk latihan seterusnya dengan bantuan pengkaji.

3.8.4.2 Proses pertengahan (40 minit)

Bagi pernyataan "sukar menerima kritikan orang lain", pengkaji meminta setiap responden memberi suatu kririkan kepada setiap responden lain. Selepas itu, pengkaji bertanyakan kepada responden bagaimana perasaan mereka tentang kritikan daripada rakan tersebut.

Antara jawapan yang diberikan oleh responden ialah:

1. Ada kritikan yang sama dengan tingkah laku negatif mereka.

2. Ada pula yang tidak sama dengan tingkah laku mereka.

Dalam hal ini, pengkaji menerangkan kepada responden bahawa kritikan yang dibuat ke atas tingkah laku mereka mungkin bersifat membina dan jika boleh dimanfaatkan sekiranya diterima secara terbuka.

Seterusnya pengkaji memberikan contoh bagaimana bertindak balas dengan kritikan seperti itu:

1. "Terima kasih di atas teguran kamu itu. Sekarang barulah saya sedar akan kesalahan saya selama ini".
2. "Terima kasih kerana kamu telah menyedarkan saya".
3. "Saya tidak bersetuju dengan kritikan kamu tadi kerana ..... (berikan alasan-alasan). Bagaimanapun, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian kamu itu".

Semua responden dikehendaki memainkan peranan secara berpasangan dan bertukar ganti peranan sehinggalah mereka berasa selesa.

3.8.4.3 Proses akhir (40 minit)

Untuk pernyataan "sukar melahirkan perasaan penghargaan", pengkaji telah memulakannya dengan melahirkan suatu keadaan seperti berikut:

> "Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) universiti anda telah memberikan ucapan tahniah kepada anda

kerana telah berjaya memimpin Ahli Jawatankuasa Minggu Haluan Siswa dengan amat baik sewaktu menerima kemasukan mahasiswa baru, ke universiti anda baru-baru ini".

Bagaimanakah cara untuk anda membalas penghargaan tersebut?. Antara jawapan yang diberikan oleh responden ialah:

1. "Terima kasih" (mimik muka bersahaja).
2. "Biasalah Profesor Datuk".
3. "Tak adalah Profesor Datuk, biasa sahaja".

Kebanyakan jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan tingkah laku yang pasif. Pengkaji menunjukkan perupaan bagaimana melafazkan ucapan penghargaan dengan cara yang lebih sesuai:

1. "Terima kasih di atas penghargaan Profesor Datuk. Saya fikir rakan-rakan yang lain juga harus menerima pujian yang sama".
2. "Saya rasa berbesar hati menerima penghargaan Profesor Datuk, terima kasih yang tidak terhingga Profesor Datuk".

Seterusnya pengkaji membantu responden melahirkan beberapa ungkapan penghargaan terhadap orang lain seperti:

1. "Saya rasa gembira dapat berjumpa dengan anda semua".
2. "Saya rasa bangga mempunyai seorang pensyarah yang begitu prihatin dan boleh bertolak ansur".

3. "Saya rasa besar hati mendapat bantuan daripada anda semua sebagai ahli jawatankuasa, semoga usaha kita memajukan persatuan ini akan mencapai kejayaan".

Semua responden diminta melahirkan ungkapan-ungkapan di atas secara berpasangan hingga berasa selesa dan sempurna. Kemudian setiap responden diminta menyampaikan ucapan penghargaan kepada semua rakan dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) secara bergilir-gilir. Penekanan juga diberikan kepada aspek bukan verbal.

Sebelum menangguhkan aktiviti latihan bahagian 4, pengkaji mendapatkan maklum balas daripada semua responden tentang apa yang telah mereka perolehi di sepanjang aktiviti latihan bahagian 4 berjalan. Pengkaji berharap semua kemahiran yang diperolehi perlu diamalkan.

Akhir sekali pengkaji menangguhkan aktiviti bahagian 4, dengan bacaan surah Al-Asr' bersama-sama responden yang beragama Islam.

3.8.5 Aktiviti latihan bahagian 5

Tarikh	:	8 April 1977
Waktu	:	2.30 petang - 4.30 petang
Tempat	:	Bilik LDK, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Matlamat aktiviti latihan bahagian 5 ialah melatih responden menggunakan beberapa teknik tertentu dalam memberikan tindak balas yang bersesuaian dengan keadaan. Teknik tersebut ialah pernyataan saya - awak (I ... You Statement), "broken - record", dan "negative assertion".

Dengan kedudukan responden seperti suatu bulatan dan pengkaji duduk di hadapan, aktiviti latihan bahagian 5 dimulakan.

3.8.5.1 Proses permulaan (10 minit)

Pengkaji bersama-sama semua responden yang beragama Islam memulakan aktiviti latihan bahagian dengan membaca surah Al-Fatihah. Pengkaji mendapatkan maklum balas daripada responden tentang aktiviti latihan bahagian 4 yang telah dijalankan.

Seterusnya pengkaji mengharapkan latihan asertif yang telah dijalankan sebanyak 4 latihan akan dipraktikkan oleh responden bagi kebaikan diri mereka.

3.8.5.2 Proses pertengahan (80 minit)

Pengkaji menerangkan kepada responden tentang tiga aspek teknik yang akan diperkenalkan dalam aktiviti latihan bahagian 5, iaitu:

1. Pernyataan saya - awak (I ... You Statement).

Menurut Egan (1990) kebanyakan kenyataan asertif adalah berkaitan dengan tingkah laku "tidak menyalahkan atau menyakitkan hati orang lain". Dalam hal ini, perkara yang perlu ditekankan ialah tingkah laku yang spesifik dan bukan orangnya. Suatu model yang baik untuk menunjukkan perkara ini ialah dengan menggunakan "pernyataan saya - awak". Di sini "saya" merujuk kepada perasaan orang yang bercakap, manakala "awak" merujuk kepada tingkah laku orang yang ditujukan percakapan itu.

Sebagai contoh:

1. "Saya rasa sungguh gembira bila awak sudi hadir ke majlis pertunangan kakak saya baru-baru ini".

2. "Saya rasa kurang selesa apabila awak menyatakan kelakuan saya agak kasar semasa menghadiri majlis tersebut".

2. Broken Record

Teknik "broken record" digunakan jika sesuatu perbincangan menyimpang dari tajuk. Teknik ini merupakan suatu cara untuk mengembalikan semula kepada tajuk perbincangan asal setelah beberapa ketika menyimpang. Menurut Cooper (1981) teknik "broken record" merupakan suatu kemahiran mengulang dengan tenang,

mengajar kita supaya tegas dan boleh mengelakkan diri kita dari diperangkap oleh suasana perbincangan yang terlalu lebar dan tidak relevan selain untuk mengekalkan maksud sebenar kita.

Dalam aktiviti harian terutama dalam komunikasi sering terjadi seseorang yang melompat-lompat tajuk perbualannya. Mereka tidak spesifik kepada suatu tajuk yang diperkatakan. Menurut Manthei (1991) teknik ini wajar dilatih supaya individu sentiasa tepat dan mengikuti landasan dalam sesuatu perbincangan. Dalam hal ini, pemimpin wajar mengikuti sesuatu perbualan dalam sesuatu tajuk dan tidak sentiasa mencari helah untuk berdolak dalik dengan pengikutnya.

3. Negative Assertion

Mengikut Galassi dan Galassi (1977) dengan menggunakan teknik "negative assertion" seseorang itu dapat meluahkan perasaannya dari pemikirannya agar tidak terganggu. Seterusnya Back dan Back (1991) menyatakan teknik ini bertujuan untuk melepaskan perasaan dan sekali gus mahu memberitahu orang lain agar tingkah laku yang tidak digemari tidak diulangi.

Sebagai contoh:

1. "Maafkan saya tuan, kerana saya tersilap buat. Tetapi ini bukan bererti saya cuai".

2. Maafkan saya saudara, saya tidak mendengar panggilan saudara".

Pengkaji meminta semua responden secara berpasangan melakukan aktiviti bermain peranan dengan menggunakan teknik yang telah diterangkan berdasarkan suasana yang diberikan.

3.8.5.3 Proses akhir (30 minit)

Setelah responden melalui aktiviti latihan asertif sebanyak 5 bahagian, apakah suasana yang dapat dirasakan setelah mereka pulang ke kampus kelak. Semua responden menetapkan suatu perlakuan yang ingin mereka ubah iaitu:

1. Menganggap kebanyakan orang lain lebih agresif.
2. Sukar untuk menyatakan sesuatu yang tidak memuaskan hati.
3. Berhati-hati bagi mengelakkan dari menyakiti perasaan orang lain.
4. Sukar meminta penjelasan bila menerima sebarang arahan.
5. Lebih suka menyimpan perasaan daripada menyatakannya.
6. Sukar menyatakan sesuatu pendapat yang berbeza.
7. Malu membincangkan secara terbuka dengan seseorang yang telah mengkritik tingkah laku anda.
8. Timbul rasa takut ketika dalam perbincangan.
9. Tidak akan bertengkar dengan orang lain.

10. Sukar menyatakan "tidak" apabila menerima sesuatu pelawaan.
11. Sukar menerima kritikan orang lain.
12. Sukar melahirkan perasaan penghargaan.

Setelah menerima penjelasan daripada responden, pengkaji memberikan sekeping borang skor SUD's kepada setiap responden untuk dicatatkan tentang tahap kecemasan mereka ketika berhadapan dengan orang-orang yang berkenaan.

Setelah responden membuat catatan pada borang skor SUD's, borang tersebut dikumpulkan dan pengkaji meminta agar mereka cuba menggunakan kemahiran yang telah dipelajari. Pengkaji akan mendapatkan perkembangan selanjutnya tentang diri mereka sebulan selepas program Kursus Bina Negara ini tamat.

Sebagai rumusan kepada latihan asertif yang telah diberikan, semua responden diminta memberikan pendapat, pandangan, cadangan, dan sebagainya yang telah mereka lalui selama mengikuti aktiviti latihan sebanyak lima bahagian.

Pengkaji juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada responden di atas kesanggupan dan kejayaan mereka mengikuti aktiviti latihan sebanyak lima bahagian.

Sebelum aktiviti latihan bahagian 5 ditangguhkan, semua responden diminta membuat dua barisan dan berdiri secara berhadapan untuk mengucapkan kata-kata perangsang yang positif kepada semua rakan secara bergilir-gilir.

Aktiviti latihan bahagian 5 kemudiannya ditangguhkan dengan seorang responden membacakan doa selamat.

3.9 Pelaksanaan kajian (ii)

Pelaksanaan kajian (ii) merupakan pertemuan kali ketiga antara pengkaji dan semua responden. Pertemuan ini bertujuan untuk menjawab inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) yang merupakan ujian post aktiviti LDK. Pertemuan ini dijalankan secara kumpulan besar untuk melakukan aktiviti terakhir.

3.9.1 Pertemuan kali ketiga

Tarikh	:	9 April 1997
Waktu	:	10.55 pagi - 12.55 tengah hari
Tempat	:	Dewan utama, Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis.

Dalam pertemuan kali ketiga, semua fasilitator, jurulatih, dan responden mengikut kumpulan LDK masing-masing, dikumpulkan di dewan utama untuk menjawab ujian post berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Ratus (1973).

Seterusnya, pengkaji mengumpulkan jawapan ujian post yang selesai dijawab dan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua responden pada sepanjang aktiviti latihan asertif dijalankan sempena program Kursus Bina Negara.

Selepas itu, aktiviti program Kursus Bina Negara diteruskan perjalanannya oleh urus setia Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri, dengan dibantu oleh fasilitator dan jurulatih.

3.10 Masalah kajian

Sewaktu menjalankan kajian ini, pengkaji menghadapi beberapa masalah seperti berikut:

3.10.1 Responden kajian

Pemilihan responden kajian seperti yang telah diterangkan di atas dilakukan setelah pengkaji mengadakan perbincangan dengan Pengarah, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Walaupun

pada asasnya responden terdiri daripada mahasiswa yang memegang jawatan penting dalam sesebuah persatuan di Universiti Teknologi Malaysia, namun setelah disemak borang pendaftaran, terdapat di kalangan mereka hanya memegang jawatan ahli jawatankuasa kecil atau sebagai ahli biasa sahaja.

Selain itu, terdapat juga sebilangan responden yang pernah mengikuti beberapa siri kursus kepimpinan yang mana kandungannya menyentuh serba sedikit dari segi tingkah laku asertif dan kemahiran sosial. Akibat daripada keadaan tersebut, berlakulah ketidak seimbangan pengalaman di kalangan responden dalam kajian ini.

3.10.2 Waktu kajian

Waktu kajian melalui aktiviti latihan asertif sebanyak lima bahagian selama sepuluh jam memang tidak memadai. Pengkaji dan responden kajian tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyampai serta mempraktikkan setiap kemahiran latihan asertif. Melalui aktiviti latihan asertif secara berterusan dengan jumlah waktu yang terhad menyebabkan responden letih dan tumpuan terhadap latihan kurang berkesan.

Selain itu, responden juga terpaksa mengikuti pelbagai program Kursus Bina Negara yang lain seperti ceramah, kualiah maghrib, kuliah subuh,

perbarisan, sukan dan riadah, kembara, makan dan minum, dan persiapan diri.

Secara umum jadual program Kursus Bina Negara begitu padat dan ketat menyebabkan kelancaran responden mengikuti aktiviti latihan asertif tidak begitu memuaskan.

3.10.3 Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973)

Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) didapati hanya menekankan kepada aspek kemahiran untuk perubahan tingkah laku sahaja. Ia tidak menyentuh dari aspek dalaman seperti emosi dan perasaan. Selain itu, disebabkan kesuntukan masa kajian percubaan terhadap inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) tidak dapat dijalankan secara terperinci.

BAB 4

ANALISIS DAN TAFSIRAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini pengkaji akan membentangkan analisis dan tafsiran data keputusan soal selidik yang diperolehi daripada setiap kumpulan LDK. Hasil data keputusan soal selidik ini adalah berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973), subjects units of discomfort scale (skor SUD's), dan borang maklum balas pemerhati (BMP). Keputusan data tersebut diperolehi melalui skor min ujian pra dan skor min ujian post berdasarkan soal selidik tersebut.

Untuk membuat analisis dan tafsiran terhadap semua data keputusan tersebut, pengkaji telah menggunakan perisian komputer SPSS for Windows, version 6.0., 1993. Penggunaan perisian ini meliputi pengiraan "ujian t" (t-test), analysis of variance (ANOVA), ujian Scheffe, dan min. Selain itu, pengkaji menggunakan analisis dan tafsiran data keputusan secara diskriftif. Dalam hal ini analisis dan tafsiran keputusan data tersebut dibuat meliputi peratus dan graf untuk menunjukkan sesuatu perubahan atau perbandingan terhadap kumpulan LDK.

Analisis dan tafsiran data tersebut dibuat meliputi beberapa aspek yang diterangkan seperti di bawah.

4.1 Analisis dan tafsiran perbezaan skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)

Analisis dan tafsiran ini bertujuan untuk melihat perbezaan skor min ujian pra dan skor min ujian post yang diperolehi oleh responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973). Ujian pra telah dijalankan sewaktu pertemuan kali kedua, pada 6 April 1997. Manakala ujian post telah dijalankan pada pertemuan kali ketiga, pada 9 April 1997 setelah semua kumpulan LDK selesai menjalani aktiviti masing-masing.

Skor min yang diperolehi oleh responden kumpulan LDK 1 (latihan asertif) melalui ujian pra dan ujian post ditunjukkan seperti jadual 4.1.1 di bawah. Melalui ujian pra, skor min yang diperolehi oleh responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) ialah 104.16. Manakala melalui ujian post, skor min yang diperolehi oleh responden tersebut ialah 117.96.

Berdasarkan ujian tersebut, didapati perbezaan skor min yang diperolehi responden kumpulan LDK 1(latihan asertif) ialah 13.80 dan merupakan suatu peningkatan. Peningkatan skor min yang diperolehi responden kumpulan LDK 1 (latihan asertif) menunjukkan aktiviti latihan asertif telah berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden kumpulan tersebut.

Jadual 4.1.1:

Skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973).

Responden	Skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)	Skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)
001	111.00	124.00
002	101.00	125.00
003	81.00	119.00
004	101.00	113.00
005	97.00	128.00
006	106.00	110.00
007	106.00	121.00
008	96.00	124.00
009	101.00	123.00
010	95.00	114.00
011	106.00	120.00
012	103.00	117.00
013	90.00	124.00
014	109.00	122.00
015	101.00	116.00
016	105.00	104.00
017	113.00	118.00
018	113.00	109.00
019	103.00	115.00
020	122.00	111.00
021	115.00	116.00
022	104.00	120.00
023	99.00	110.00
024	115.00	123.00
025	94.00	116.00
026	97.00	112.00
027	99.00	122.00
028	123.00	112.00
029	103.00	124.00
030	116.00	127.00
Jumlah	3125.00	3539.00
Min	104.16	117.96

Untuk menentukan sama ada perbezaan skor min ujian pra dan skor min ujian post mempunyai signifikan atau tidak signifikan, pengkaji telah menjalankan "ujian t" (t-test) pada aras keyakinan 0.05. Melalui ujian tersebut, didapati nilai 't' bagi pasangan pemboleh ubah ujian pra dan ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) ialah 6.386 dengan kebarangkalian dua hujung 0.00 (<0.05), iaitu signifikan di paras signifikan 0.05. Oleh itu, dapatan tersebut menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) iaiitu di paras signifikan 0.05. Jadual 4.1.2 di bawah menunjukkan dapatan "ujian t" tersebut.

Jadual 4.1.2 :

Nilai "t" bagi dua pembolehubah.

Pemboleh ubah	Bil:	Min:	SD:	Nilai "t"	Kebarangkalian 2 (dua) hujung
Ujian pra	30	104.16	6.0543	6.386	0.000
Ujian post	30	117.96	9.2404		

Berdasarkan dapatan "ujian t" (t-test) tersebut nyatalah bahawa latihan asertif telah berjaya membina serta meningkatkan tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

4.2 Analisis dan tafsiran perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berbanding dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I)

Analisis dan tafsiran ini bertujuan untuk melihat kesan latihan asertif yang diberikan kepada responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berbanding dengan responden bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) yang tidak diberikan sebarang aktiviti latihan. Analisis dan tafsiran ini adalah berdasarkan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973). Setelah kumpulan LDK 1 (latihan asertif) menjalani latihan asertif skor min ujian post yang diperolehinya ialah 117.96 manakala skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) ialah 102.03. Dapatan ini menunjukkan perbezaan skor min ujian post bagi kedua-dua kumpulan LDK ialah sebanyak 15.93.

Walaupun kumpulan LDK 2 (kawalan I) menjalani ujian pra, namun disebabkan kumpulan LDK 2 (kawalan I) tidak mempunyai sebarang aktiviti skor min yang diperolehinya masih rendah. Keadaan ini menunjukkan kumpulan LDK 2 (kawalan I) tidak memperlihatkan suatu peningkatan skor min yang sepatutnya berbanding dengan kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Jadual 4.2.1 di bawah menunjukkan perbezaan skor min ujian post bagi kedua-dua kumpulan LDK tersebut. Jelaslah kumpulan LDK 1 (latihan asertif) yang menjalani latihan asertif berjaya memberikan peningkatan perlakuan asertif kepada respondenya.

Jadual 4.2.1:

Perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berbanding skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I).

Responden	Skor ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)	Skor ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I)
001	124.00	94.00
002	125.00	106.00
003	119.00	75.00
004	113.00	118.00
005	128.00	97.00
006	110.00	103.00
007	121.00	104.00
008	124.00	83.00
009	123.00	100.00
010	114.00	111.00
011	120.00	116.00
012	117.00	73.00
013	124.00	95.00
014	122.00	94.00
015	116.00	105.00
016	104.00	98.00
017	118.00	119.00
018	109.00	106.00
019	115.00	102.00
020	111.00	120.00
021	116.00	102.00
022	120.00	111.00
023	110.00	110.00
024	123.00	103.00
025	116.00	73.00
026	112.00	113.00
027	122.00	95.00
028	112.00	116.00
029	124.00	104.00
030	127.00	115.00
Jumlah	3539.00	3061.00
Min	117.96	102.03

4.3 Analisis dan tafsiran perbandingan skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial)

Analisis dan tafsiran ini bertujuan untuk melihat sama ada perkembangan responden sewaktu menjalani aktiviti latihan kemahiran sosial dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran seperti inventori soalan ujian, pengaruh responden dari kumpulan LDK lain, atau keadaan persekitaran tempat latihan. Untuk tujuan itu, sekali lagi pengkaji menggunakan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) sebagai instrumen pengukur perbandingan.

Sehubungan itu, jadual 4.3.1 di bawah jelas memperlihatkan perbandingan tersebut. Berdasarkan perbezaan ini adalah didapati beberapa faktor luaran seperti inventori soalan ujian, pengaruh responden dari kumpulan LDK lain, atau keadaan persekitaran tempat latihan tidak mempengaruhi responden yang menerima latihan kemahiran sosial. Keadaan ini dapat dilihat dari skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) sebanyak 101.96 berbanding dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) iaitu sebanyak 111.20. Dengan perbandingan ini bermakna terdapat perbezaan skor min sebanyak 8.24.

Jadual 4.3.1:

Perbandingan skor min ujian pra bagikumpulan LDK 2 (kawalan I) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial).

Responden	Skor ujian pra bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I)	Skor ujian post kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial)
001	101.00	107.00
002	101.00	123.00
003	79.00	110.00
004	95.00	106.00
005	95.00	105.00
006	103.00	97.00
007	106.00	120.00
008	92.00	119.00
009	101.00	95.00
010	95.00	111.00
011	106.00	117.00
012	102.00	111.00
013	89.00	94.00
014	103.00	116.00
015	99.00	100.00
016	103.00	102.00
017	113.00	112.00
018	114.00	101.00
019	100.00	111.00
020	120.00	108.00
021	114.00	114.00
022	102.00	117.00
023	95.00	100.00
024	115.00	126.00
025	85.00	119.00
026	95.00	105.00
027	96.00	120.00
028	123.00	115.00
029	101.00	129.00
030	116.00	125.00
Jumlah	3059.00	3336.00
Min	101.96	111.20

Dalam hal ini, walaupun kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) tidak diberikan ujian pra, namun skor min ujian post yang diperolehi adalah lebih tinggi berbanding dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I). Perbezaan skor min ujian post ini menunjukkan terdapat perkembangan yang berlaku di kalangan responden bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) adalah dipengaruhi oleh faktor latihan kemahiran sosial yang diberikan kepada mereka.

4.4 Analisis dan tafsiran perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 4 (kawalan II)

Analisis dan tafsiran ini bertujuan untuk melihat sama ada peningkatan tingkah laku asertif yang dibina melalui aktiviti latihan kemahiran sosial mempengaruhi skor min ujian post yang diberikan. Untuk tujuan ini, pengkaji menggunakan inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) sebagai instrumen pengukur perbandingan.

Dalam hal ini, kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) telah diberikan aktiviti latihan kemahiran sosial, manakala kumpulan LDK 4 (kawalan II) tidak menerima sebarang aktiviti latihan. Setelah kedua-dua kumpulan LDK tersebut menjalani ujian post, didapati skor min bagi kedua-dua kumpulan LDK tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 4.4.1 di bawah.

Jadual 4.4.1:

Perbezaan skor min ujian pra bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 4 (kawalan II).

Responden	Skor ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial)	Skor ujian post bag-i kumpulan LDK 4 (kawalan II)
001	107.00	110.00
002	123.00	121.00
003	110.00	89.00
004	106.00	86.00
005	105.00	114.00
006	97.00	88.00
007	120.00	112.00
008	119.00	107.00
009	95.00	97.00
010	111.00	98.00
011	117.00	104.00
012	111.00	89.00
013	94.00	111.00
014	116.00	90.00
015	100.00	97.00
016	102.00	100.00
017	112.00	97.00
018	101.00	108.00
019	111.00	99.00
020	108.00	87.00
021	114.00	108.00
022	117.00	87.00
023	100.00	76.00
024	126.00	91.00
025	119.00	98.00
026	105.00	94.00
027	120.00	86.00
028	115.00	103.00
029	129.00	89.00
030	125.00	94.00
Jumlah	3336.00	2930.00
Min	111.20	97.66

Jadual 4.5.1:

Perbandingan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK.

Responden	Skor min ujian post kumpulan LDK 1 (latihan asertif)	Skor min ujian post kumpulan LDK 2 (kawalan I)	Skor min ujian post kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial)	Skor min ujian post kumpulan LDK 4 (kawalan II)
001	124.00	94.00	107.00	110.00
002	125.00	106.00	123.00	121.00
003	119.00	75.00	110.00	89.00
004	113.00	118.00	106.00	86.00
005	128.00	97.00	105.00	114.00
006	110.00	103.00	97.00	88.00
007	121.00	104.00	120.00	112.00
008	124.00	83.00	119.00	107.00
009	123.00	100.00	95.00	97.00
010	114.00	111.00	111.00	98.00
011	120.00	116.00	117.00	104.00
012	117.00	73.00	111.00	89.00
013	124.00	95.00	94.00	111.00
014	122.00	94.00	116.00	90.00
015	116.00	105.00	100.00	97.00
016	104.00	98.00	102.00	100.00
017	118.00	119.00	112.00	97.00
018	109.00	106.00	101.00	108.00
019	115.00	102.00	111.00	99.00
020	111.00	120.00	108.00	87.00
021	116.00	102.00	114.00	108.00
022	120.00	111.00	117.00	87.00
023	110.00	110.00	100.00	76.00
024	123.00	103.00	126.00	91.00
025	116.00	73.00	119.00	98.00
026	112.00	113.00	105.00	94.00
027	122.00	95.00	120.00	86.00
028	112.00	116.00	115.00	103.00
029	124.00	104.00	129.00	89.00
030	127.00	115.00	125.00	94.00
Jumlah	3539.00	3061.00	3336.00	2930.00
Min	117.96	102.03	111.20	97.66

untuk melihat perhubungan di antara semua kumpulan LDK juga digunakan.

Jadual 4.5.1 di atas menunjukkan terdapat perubahan tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan ujikaji LDK 1 (latihan asertif) dan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) berbanding dengan kumpulan LDK 2 (kawalan I), dan kumpulan LDK 4 (kawalan II).

Skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) ialah 117.96 berbanding skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) 102.03. Seterusnya, skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) ialah 111.20 berbanding skor min ujian post bagi kumpulan LDK 4 (kawalan II) ialah 97.66.

Manakala bagi kumpulan kawalan iaitu LDK 2 (kawalan I) memperolehi skor min 102.03 dan LDK 4 (kawalan II) memperolehi skor min 97.66. Ini menunjukkan responden dalam kumpulan kawalan tidak memperlihatkan pembinaan tingkah laku asertif kerana tiada aktiviti yang dilakukan terhadap mereka.

Seterusnya pengkaji telah melakukan analysis of variance (ANOVA) bagi menentukan sama ada skor min ujian post yang diperolehi oleh semua kumpulan LDK mempunyai perbezaan yang signifikan atau tidak signifikan. Berdasarkan jadual 4.5.2 di bawah, nilai F yang diperolehi

ialah 0.0000 iaitu < 0.05. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara semua kumpulan LDK tersebut.

Jadual 4.5.2:

Analysis of variance (ANOVA) ujian post bagi semua kumpulan LDK.

Sumber	D.F	SS	Min	Nilai F
Antara Kumpulan	3	7484.97	2494.99	.0000
Di dalam Kumpulan	116	11645.40	100.39	
Jumlah	119	19130.37		

Selain itu, pengkaji telah menggunakan ujian Scheffe untuk melihat perbezaan skor min di antara semua kumpulan LDK tersebut. Jadual 4.5.3 di bawah menunjukkan dapatan daripada ujian tersebut. Hasil ujian tersebut semua kumpulan LDK mempunyai perhubungan. Ini bererti kumpulan LDK 1 (latihan asertif) mempunyai hubungan dengan kumpulan LDK 2 (kawalan I), kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) mempunyai hubungan dengan kumpulan LDK 4 (kawalan II) dan begitulah seterusnya.

Jadual 4.5.3:

Ujian Scheffe dengan signifikan .05 melihat perhubungan kumpulan LDK.

Min	LDK	LDK 4	LDK 2	LDK 3	LDK 1
97.66	4				
102.03	2				
111.20	3	*	*		
117.96	1	*	*		

Berdasarkan jadual 4.5.3 di atas dan jadual 4.5.4 di bawah menunjukkan hubungan antara semua kumpulan LDK. Dua kumpulan LDK memperolehi hubungan yang jelas iaitu kumpulan LDK 2 (kawalan I) dengan kumpulan LDK 4 (kawalan II) dan kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dengan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial).

Jadual 4.5.4:

Ujian Scheffe semua kumpulan LDK.

	LDK 1	LDK 2	LDK 3	LDK 4
n	30	30	30	30
min	117.96	102.03	111.20	97.66
SD	6.05	12.96	9.41	10.41

Oleh itu secara umum dapatlah dikatakan bahawa latihan asertif telah dapat memberikan kesan yang nyata kepada kumpulan LDK 1(latihan asertif) dan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial). Kedua-dua kumpulan ini menjalani aktiviti terancang dan bersistematik berbanding kedua-dua kumpulan LDK 2 (kawalan I) dan LDK 4 (kawalan II) tidak memperlihatkan perubahan tingkah laku asertif kerana merupakan kumpulan kawalan.

4.6 Analisis dan tafsiran tahap ketidak selesaan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)

Analisis dan tafsiran ini dibuat untuk melihat tahap ketidak selesaan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) berdasarkan borang "Subjects Units of Discomfort Scale (skor SUD's)", dalam Cottler (1976). Bagi membuat analisis dan tafsiran ini, pengkaji telah menggunakan jawapan responden berdasarkan keputusan ujian pra dan keputusan ujian post menggunakan borang skor SUD's.

Untuk ujian pra, responden telah menjawab sebaik sahaja mereka menamatkan semua aktiviti latihan asertif sebanyak lima bahagian dijalankan. Sebelum itu, responden diminta memikirkan apakah tingkah laku yang akan mereka ubah sebaik sahaja pulang ke kampus. Responden telah memilih tingkah laku berdasarkan kemahuan mereka untuk mengubahnya berdasarkan tahap kecemasan tertinggi yang masih mereka rasai.

Jadual 4.6.1:

Skor SUD's - Perubahan tahap kecemasan tingkah laku responden yang diubah.

Responden	Aras kecemasan: ujian pra (dalam peratus)	Aras kecemasan: ujian post (dalam peratus)	Perbezaan (dalam peratus)
001	70	20	50
002	60	20	40
003	50	10	40
004	80	20	60
005	70	10	60
006	70	20	50
007	80	20	60
008	80	30	50
009	60	10	50
010	55	20	35
011	80	20	60
012	80	20	60
013	75	20	55
014	80	25	55
015	70	20	50
016	70	30	40
017	70	25	45
018	50	10	40
019	60	15	45
020	60	20	40
021	70	25	45
022	50	20	30
023	70	25	45
024	70	20	50
025	60	10	50
026	70	25	45
027	80	25	55
028	70	20	50
029	50	15	35
030	80	20	60
Jumlah	2040	590	1450
Min	68.00	19.66	48.33

Seterusnya, untuk ujian post responden menjawabnya sebulan selepas mereka selesai menjalani latihan asertif. Semua jawapan ujian post telah dikirimkan kepada pengkaji untuk dianalisis dan ditafsir. Jadual 4.6.1 di atas menunjukkan skor min ujian pra dan skor min ujian post yang dicatatkan oleh responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

Berdasarkan jadual tersebut, responden telah memperlihatkan begitu jelas tentang latihan asertif berjaya mengurangkan tahap kecemasan sewaktu menghadapi sesuatu suasana yang mencemaskan.

Melalui ujian pra, didapati skor min ialah 68.00, manakala bagi ujian post skor min telah turun kepada 19.66. Berdasarkan hasil skor min ujian pra dan hasil min ujian post, didapati perbezaannya sebanyak 48.33. Keadaan ini menunjukkan penurunan tahap kecemasan dan juga menunjukkan peningkatan tahap keselesaan bagi responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) iaitu sebanyak 71.07.

Untuk menjelaskan lagi penurunan tahap kecemasan bagi setiap orang responden, pengkaji telah membahagikan mereka kepada lima kumpulan kecil yang mengandungi enam orang responden bagi setiap kumpulan. Catatan tahap kecemasan yang berupa ujian pra dan ujian post ditunjukkan dalam jadual 4.6.2, jadual 4.6.3, jadual 4.6.4, jadual 4.6.5, dan 4.6.6 di bawah.

Daripada 30 orang responden yang terlibat dalam ujian ini, pengkaji telah meminta mereka menentukan bentuk tingkah laku yang hendak diubah. Berdasarkan 30 bentuk laku yang hendak diubah oleh responden, pengkaji telah meringkaskannya kepada 12 tingkah laku sahaja, iaitu berdasarkan kepada 12 perlakuan yang telah dibincangkan sewaktu latihan asertif dijalankan.

Berikut adalah senarai perubahan tingkah laku yang hendak diubah oleh responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

1. Menganggap kebanyakan orang lain lebih agresif.
2. Sukar untuk menyatakan sesuatu yang tidak memuaskan hati.
3. Berhati-hati bagi mengelakkan dari menyakiti perasaan orang lain.
4. Sukar meminta penjelasan bila menerima sebarang arahan.
5. Lebih suka menyimpan perasaan daripada menyatakannya.
6. Sukar menyatakan sesuatu pendapat yang berbeza.
7. Malu membincangkan secara terbuka dengan seseorang yang telah mengkritik tingkah laku anda.
8. Timbul rasa takut ketika dalam perbincangan.
9. Tidak akan bertengkar dengan orang lain.
10. Sukar menyatakan "tidak" apabila menerima sesuatu pelawaan.
11. Sukar menerima kritikan orang lain,
12. Sukar melahirkan perasaan penghargaan.

Jadua14.6.2:

Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil A.

Responden	Tingkah laku yang hendak diubah	Peratus tahap kecemasan (ujian pra) SUD's	Peratus tahap kecemasan (ujian post) SUD's
001	Berusaha mendapatkan semula wang hutang sebanyak RM 300.00 yang diberikan kepada rakan karibnya sejak 3 bulan yang lepas.	70	20
002	Bercadang berjumpa Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) meminta penjelasan tentang program Minggu Haluan Siswa Baru sesi 1997/98.	60	20
003	Menyatakan rasa sedih kepada kakaknya yang selalu memarahinya tanpa sebarang sebab yang jelas.	50	10
004	Tidak suka bertengkar dengan rakan walaupun rakan tersebut sering mempersendakannya.	80	20
005	Menolak ajakan rakan karib yang mengajaknya keluar pada hujung minggu sedangkan mempunyai banyak tugasan.	70	10
006	Menyampaikan dengan jelas dan yakin tentang pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi melalui aktiviti latihan asertif kepada ahli persatuan.	70	20

Jadual 4.6.3:

Tahap perubahan kecemasan tingkah laku
bagi kumpulan kecil B.

Responden	Tingkah laku yang hendak diubah	Peratus tahap kecemasan (ujian pra) SUD's	Peratus tahap kecemasan (ujian post) SUD's
007	Segera bertanya serta meminta penjelasan lanjut kepada pensyarah jika tidak faham tentang perkara pembelajaran.	80	20
008	Berjumpa Ketua Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Pelajar) meminta peruntukan aktiviti Forum Perdana sesi 1997/98.	80	30
009	Cuba berbincang dengan rakan yang mengkritiknya.	60	10
010	Memberikan beberapa cadangan untuk persatuan dalam mesyuarat agung tahunan persatuan B.	55	20
011	Menolak ajakan rakan karib menonton filem yang anda tidak gemari.	80	20
012	Menasihati rakan karib yang selalu mengabaikan tugas pembelajaran secara lebih asertif supaya memberikan kesan yang positif.	80	20

Rajah 4.6.3 (a) :

Skor SUD's menunjukkan peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan B.



Jadual 4.6.4:

Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil C.

Responden	Tingkah laku yang hendak diubah	Peratus tahap kecemasan (ujian pra) SUD's	Peratus tahap kecemasan (ujian post) SUD's
013	Tidak menganggap pensyarah suatu subjek teras yang kononnya suka menggagalkan pelajar.	75	20
014	Menentang cadangan menaikkan yuran tahunan persatuan C.	80	25
015	Menasihati rakan yang bersebelahan bilik kerana membunyikan radio kaset terlaku kuat dan sering mengganggu anda.	70	20
016	Cuba berjumpa pensyarah suatu subjek teras meminta diberikan tempoh selama 3 hari untuk menyiapkan kertas projek.	70	30
017	Akan mengeluarkan suatu pendapat baru yang anda perolehi setelah membaca sebuah buku terbaru apabila mengikuti kelas tutorial kelak.	70	25
018	Akan menyatakan tidak bersetuju dengan pendapat ahli panel dalam Forum Perdana sesi 1997/98.	50	10

Rajah 4.6.4 (a) :

Menunjukkan skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan C.



Jadual 4.6.5:

Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil D.

Responden	Tingkah laku yang hendak diubah	Peratus tahap kecemasan (ujian pra) SUD's	Peratus tahap kecemasan (ujian post) SUD's
019	Berjumpa Ketua Penolong Pendaftar (Akademik) meminta salinan keputusan peperiksaan tahun kedua yang hilang untuk dihantar kepada penaja biasiswa. Kebetulan keputusan peperiksaan anda tersebut agak merosot dan beberapa subjek teras telah gagal.	60	15
020	Berkecil hati kerana ahli persatuan D menuduh anda menyalah gunakan kedudukan dalam persatuan.	60	20
021	Akan membidas ahli panel dalam suatu Debat Agung sesi 1997/98 yang mengatakan mahasiswa sekarang tidak berkualiti dan tidak boleh berdikari.	70	25
022	Akan berterus terang dengan rakan karib yang sejak kebelakangan ini sering tidak bersembahyang, sebaliknya sering berhibur dan berfoya-foya di disco.	50	20
023	Melahirkan rasa penghargaan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) kerana beliau menerima anugerah "bintang kebesaran" dari baginda sultan.	70	25
024	Akan menyatakan "tidak" apabila pensyarah suatu subjek teras menganggap anda sering cuai dan mengelakkan diri daripada mengambil bahagian yang positif dalam kelas tutorial.	70	20

Rajah 4.6.5 (a) :

Menunjukkan skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan D.



Jadual 4.6.6:

Tahap perubahan kecemasan tingkah laku bagi kumpulan kecil E.

Responden	Tingkah laku yang hendak diubah	Peratus tahap kecemasan (ujian pra) SUD's	Peratus tahap kecemasan (ujian post) SUD's
025	Menyatakan penghargaan kepada pensyarah anda yang dianggap tegas dan serius di atas perlantikan "Profesor".	60	10
026	Sukar menerima kenyataan apabila anda ditahan dan seterusnya didenda kerana menonggang motosikal tanpa mempunyai lesen yang sah.	70	25
027	Menyimpan perasaan marah apabila rakan karib anda bergurau dengan teman wanita anda. Dalam hal ini anda tidak melihatnya, tetapi menerima berita daripada orang lain.	80	25
028	Menyatakan persetujuan untuk bersama-sama keluarga anda melawat sanak saudara di kampung sedangkan anda mempunyai masa yang agak terhad untuk persediaan menghadapi peperiksaan.	70	20
029	Akan meminta jiran sebelah rumah anda jangan terlalu memarahi anaknya yang baru berumur 4 tahun seperti memarahi orang dewasa.	50	15
030	Rela menerima kritikan rakan-rakan tentang perlakuan anda sejak kebelakangan ini agak negatif terhadap pelajaran.	80	20

Rajah 4.6.6 (a) :

Menunjukkan skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden bagi kumpulan E.



Rajah 4.6.7 :

Perbandingan keseluruhan skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden.



Seterusnya rajah 4.6.2 (a), rajah 4.6.3 (a), rajah 4.6.4 (a), rajah 4.6.5 (a), dan rajah 4.6.6 (a) di atas menunjukkan perbandingan dalam bentuk graf tentang skor min ujian pra dan skor min ujian post. Setiap skor min ujian pra dan skor min ujian post tersebut dianalisis dan ditafsir serta ditunjukkan dalam bentuk graf bertujuan memudahkan perbandingan. Di samping itu, berdasarkan graf tersebut suatu gambaran yang jelas kepada dapatan kajian tentang perubahan tingkah laku kecemasan di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dapat diperhatikan.

Setelah melihat data dan graf bagi setiap kumpulan kecil bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) di atas, suatu lagi graf yang menunjukkan kedudukan keseluruhan perbandingan skor SUD's di kalangan responden digambarkan seperti rajah 4.6.7 di atas. Skor min yang tinggi di bahagian atas merupakan ujian pra yang menggambarkan tahap kecemasan yang tinggi. Manakala skor min yang rendah di bahagian bawah merupakan ujian post yang menggambarkan tahap kecemasan yang rendah.

4.7 Analisis dan tafsiran kesan latihan asertif bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) menurut perspektif fasilitator dan jurulatih

Analisis dan tafsiran ini dilakukan bertujuan untuk melihat kesan latihan asertif menurut perspektif orang yang hampir dengan responden

Jadual 4.7.1:
Perbandingan skor min ujian pra dan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

Responden	Skor min ujian pra (dalam peratus)	Skor min ujian post (dalam peratus)	Perbezaan (dalam peratus)
001	43	68	25
002	38	66	28
003	38	57	19
004	35	70	35
005	39	63	24
006	39	63	24
007	39	58	19
008	42	58	16
009	39	63	24
010	39	70	31
011	42	69	27
012	40	57	17
013	50	61	11
014	47	64	17
015	47	71	24
016	34	62	28
017	37	62	25
018	42	65	23
019	45	66	21
020	47	62	15
021	45	75	30
022	37	65	28
023	42	65	23
024	40	58	18
025	43	69	26
026	46	67	21
027	43	64	21
028	48	70	22
029	45	64	19
030	45	63	18
Jumlah	1256	1935	679
Min	41.87	64.50	22.63

di sepanjang aktiviti latihan asertif dijalankan. Dalam hal ini, perspektif daripada fasilitator dan jurulatih yang mengendalikan program Kursus Bina Negara diambil kira untuk mengukur kesan latihan asertif bagi responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Fasilitator dan jurulatih tersebut memberikan penilaian mereka terhadap responden bermula pada 6 April 1997 iaitu hari pertama pertemuan dan 10 April 1997 yang merupakan hari penutup program Kursus Bina Negara.

Jadual 4.7.1 di atas menunjukkan perbandingan skor min ujian pra dan skor min ujian post di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) yang diberikan oleh fasilitator dan jurulatih yang sama. Berdasarkan tersebut, didapati skor min ujian pra melalui borang maklum balas pemerhati ialah 41.86 manakala skor min bagi ujian post ialah 64.50. Ini menu.njukkan perbezaan skor min sebanyak 22.63 yang merupakan peningkatan dalam pembinaan tingkah laku asertif terhadap responden.

Seterusnya berdasarkan perbandingan tersebut, didapati peningkatan skor min bagi ujian post menunjukkan latihan asertif berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden. Perubahan ini jelas memperlihatkan tahap komunikasi responden adalah semakin positif dengan orang yang berada di sekitarnya. Mereka mampu melahirkan pandangan serta memberikan hujah yang baik dan boleh diterima oleh orang yang berkomunikasi dengannya.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.0 Pendahuluan

Sebelum perbincangan dijalankan, pengkaji akan memberikan ringkasan kajian yang telah dilakukan. Ringkasan kajian bertujuan menentukan sama ada objektif dan hipotesis menepati dapatan kajian yang telah dijalankan. Seterusnya, pengkaji menumpukan perbincangan berdasarkan keputusan analisis dan tafsiran kajian dari bab 4. Perbincangan dibuat berdasarkan kesan latihan asertif dalam proses pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan perbezaan di kalangan semua kumpulan LDK. Selain itu, perbincangan dibuat terhadap rumusan serta mengemukakan cadangan memperbaiki lagi kajian pada mada hadapan.

5.1 Ringkasan kajian

Permasalahan kepimpinan di kalangan pemimpin persatuan mahasiswa universiti tempatan, terutama tentang persoalan tingkah laku asertif menyebabkan mereka tidak dapat menyesuaikan diri mengikut keadaan, waktu, dan tempat. Akibat daripada keadaan ini pemimpin persatuan mahasiswa seolah-olah tidak dapat membantu kerajaan atau anggota

masyarakat menangani pelbagai isu dan masalah yang sentiasa berlaku di negara ini. (Karim 1992).

Kajian ini bertujuan melihat kesan latihan asertif terhadap pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden. Objektif khas kajian bertujuan menguji pelaksanaan aktiviti latihan asertif dan kesannya dalam membina tingkah laku asertif. Selain itu, objektif kajian menilai kesan relatif di antara kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dengan semua kumpulan LDK yang terlibat.

Hipotesis kajian ialah terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan LDK ujikaji yang menerima latihan asertif dengan kumpulan LDK yang menerima latihan kemahiran sosial, dan kumpulan LDK kawalan.

Seramai 120 orang responden telah terlibat dalam kajian, mereka merupakan peserta program Kursus Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri. Untuk menjalani kajian, mereka telah dibahagikan kepada empat kumpulan LDK. Pembahagian kepada empat kumpulan LDK dibuat secara sistematik menggunakan kaedah susunan abjad nama responden. Kumpulan LDK 1 (latihan asertif) menjalani latihan asertif, kumpulan LDK 2 (kawalan I) dan LDK 4 (kawalan II) tidak menjalani sebarang aktiviti, dan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) menjalani latihan kemahiran sosial.

Kajian ini telah dilakukan di Kem Bina Negara, Biro Tatanegara (cawangan Perlis), Jabatan Perdana Menteri, Kaki Bukit, Perlis, pada 5 April 1997 hingga 10 April 1997. Kumpulan LDK 1 (latihan asertif) telah melalui lima bahagian latihan yang dirancangkan. Dapatan daripada ujikaji semua kumpulan LDK tersebut mendasari perbincangan dalam bab ini.

5.2 Perbincangan dapatan kajian

Pengkaji menumpukan perbincangan untuk menentukan sama ada objektif dan hipotesis kajian berjaya dicapai atau sebaliknya, berdasarkan analisis dan tafsiran dari bab 4. Justeru itu, pengkaji menumpukan perbincangan kepada kesan latihan asertif terhadap pembinaan tingkah laku asertif serta menilai kesan relatif dan perbezaan antara semua kumpulan LDK.

5.2.1 Peningkatan tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif)

Perbincangan ini berdasarkan analisis dan tafsiran keputusan kajian yang diperolehi daripada responden dalam LDK 1 (latihan asertif). Perbincangan bertujuan melihat peningkatan pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Berdasarkan perbezaan skor min ujian pra dan skor min ujian post seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.1.1 (halaman 87), didapati skor

min ujian pra bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) ialah 104.16 manakala skor min ujian post ialah 117.96. Perbezaan skor min sebanyak 13.80 menunjukkan terdapat kesan positif aktiviti latihan asertif dalam pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif).

Seterusnya, peningkatan skor min bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) telah diuji signifikannya dengan menggunakan "ujian t" (t-test). Dengan merujuk kepada jadual 4.1.2 (halaman 88), didapati perbezaan skor min bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) adalah bersifat signifikan. Dalam ujian tersebut, didapati hasilnya ialah .0000 iaitu < 0.05 dan ini menunjukkan terdapat signifikan antara perbezaan skor min dalam ujian tersebut.

Keberkesanan dalam peningkatan skor min yang signifikan itu boleh dilihat melalui perbandingan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dengan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 2 (kawalan I) iaitu dengan merujuk kepada rajah 4.2.1 (halaman 90).

Seterusnya dengan merujuk kepada skor min ujian post tersebut, didapati kumpulan LDK 2 (kawalan I) memperolehi skor min ujian post sebanyak 102.03 dan skor min ujian pra sebanyak 101.96. Ini bermakna kumpulan LDK 2 (kawalan I) hanya memperlihatkan peningkatan skor yang amat kecil iaitu sebanyak 0.07.

Peningkatan skor min yang signifikan bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) disebabkan oleh kesan aktiviti latihan asertif yang dijalankan. Peningkatan skor min tersebut bukan disebabkan oleh beberapa faktor luaran seperti inventori soalan ujian, pengaruh responden dari kumpulan LDK lain, atau persekitaran tempat latihan (Bandura, 1977).

Keadaan ini dapat dikenal pasti berdasarkan perbandingan antara skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dengan kumpulan LDK 2 (kawalan I). Walaupun kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) tidak diberikan ujian pra, namun setelah menjalani aktiviti latihan kemahiran sosial, didapati skor min ujian post iaitu sebanyak 111.20 berbanding kumpulan LDK 2 (kawalan I) yang memperolehi skor min ujian post sebanyak 102.03.

Seterusnya, perbandingan juga dapat dilihat dengan merujuk kepada jadual 4.5.1 (halaman 96) yang mendapati skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) sebanyak 111.20 berbanding skor min ujian post bagi kumpulan LDK 4 (kawalan II) sebanyak 97.66. Berdasarkan perbezaan skor min yang besar iaitu sebanyak 13.54, adalah jelas menunjukkan bahawa kumpulan LDK 4 (kawalan II) yang tidak diberikan sebarang aktiviti latihan, tidak memperlihatkan sebarang pembinaan tingkah laku asertif berbanding dengan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) yang diberikan aktiviti latihan kemahiran sosial.

Perbezaan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) dan LDK 4 (kawalan II) menunjukkan kesan dari latihan kemahiran sosial yang mempunyai modul yang ditetapkan. Dalam hal ini, Bandura (1986) mendapati beberapa ujikaji makmal menunjukkan bahawa pembelajaran yang lebih berkesan akan tercapai apabila individu dimaklumkan terlebih dahulu tentang akibat daripada pelaksanaan kelakuan tertentu daripada menunggu sehingga kelakuan tersebut ditunjukkan dan kemudian menerima pengukuhan.

Seterusnya, menurut Bandura (1986) proses perhatian dan mengingati pemerhati meningkat apabila responden mengetahui beberapa akibat kelakuan yang menjadi model akan berkesan dalam menghasilkan hasil yang bernilai atau semasa mengelak untuk menjalankan hukuman.

Berdasarkan dapatan skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan LDK 3 (kemahiran sosial) dapatlah dikatakan bahawa aktiviti latihan asertif sebanyak lima bahagian dan aktiviti latihan kemahiran sosial telah berjaya meningkat dan membina tingkah laku asertif di kalangan responden.

Latihan asertif yang dijalankan secara teratur dan bersistematik melalui beberapa kaedah seperti model sosial, "decent" (tingkah laku) bersistematik, main peranan, kawalan kendiri, dan kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai keadaan berlainan, dapat membina serta meningkatkan tingkah laku asertif seseorang responden. Dalam hal ini,

Skinner (1953, 1987) menyatakan pengukuh positif ialah sebarang rangsangan yang apabila ditambah kepada situasi, menguatkan kemungkinan bahawa kelakuan tersebut akan diulangi.

Kesan latihan asertif yang didapati ini mempunyai persamaan dengan dapatan para pengkaji terdahulu seperti Martin dan Pear (1978), Wolf dan Desederato (1980), serta Wehr dan Kaufman (1987) yang mendapati latihan asertif berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden.

Di samping itu, Foy et al., (1975) dan Jackson (1988) bersetuju bahawa latihan asertif berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden. Selain itu, beberapa orang pengkaji seperti Wolpe (1966), Manis et al., (1977), Egan (1990), dan Manthei (1991) menyatakan penggunaan beberapa teknik tertentu yang terancang dan bersistematik sewaktu memberikan aktiviti latihan kepada responden akan berjaya membina tingkah laku asertif yang dikehendaki. Mereka berpendapat teknik "decent" (tingkah laku) bersistematik dan kawalan kendiri amat sesuai dalam pembinaan tingkah laku asertif. Seterusnya Watson (1973) menyatakan teknik kawalan kendiri boleh membina tingkah laku asertif di kalangan responden.

Seterusnya pengkaji merujuk kepada jadual 4.6.1 (halaman 101), untuk mengukur tahap keselesaan responden dengan menggunakan instrumen pengukur borang skor SUD's yang menunjukkan tahap kecemasan

tingkah laku responden. Dalam ujian pra didapati skor min sebanyak 68.00 manakala dalam ujian post skor min turun kepada 19.66 yang memperlihatkan perbezaan sebanyak 48.33. Dengan penurunan skor min ini menunjukkan aktiviti latihan asertif berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Keadaan tahap kecemasan tingkah laku responden yang menurun menunjukkan aktiviti latihan asertif sebanyak lima bahagian yang telah dijalankan berjaya mencapai objektif kajian.

Seseorang yang berada dalam keadaan yang kondusif dan selesa boleh membina tingkah laku asertif. Dalam hal ini, Wolpe dan Lazarus (1966) berpendapat seseorang yang hendak membina tingkah laku asertif tidak dapat mencapainya jika mereka berada dalam keadaan yang cemas. Pendapat ini adalah sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rice (1975) yang membuat kajian tentang tahap ketidak selesaan mahasiswa baru di sebuah pusat pengajian tinggi.

Mengikut Stubbs (1985) kadar penurunan skor SUD's yang berlainan di kalangan responden seperti yang terdapat dalam rajah 4.6.1 (halaman 101), disebabkan setiap responden merupakan individu yang mempunyai perbezaan sifat semulajadi. Selain itu, Bandura (1987) menyatakan perbezaan latihan sosial yang diterima juga menyebabkan berlakunya perbezaan tersebut.

5.2.2 Kesan latihan asertif terhadap pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif)

Perbincangan ini adalah merujuk kepada jadual 4.6.1 (halaman 101) yang memperlihatkan semua responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) mengalami penurunan tahap kecemasan. Keadaan ini merupakan suatu perkembangan yang positif bagi responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif). Pada peringkat awal, skor min ujian pra skor SUD's ialah 68.00 manakala di peringkat akhir, skor min ujian post skor SUD's ialah 19.66. Keadaan ini menunjukkan penurunan skor min SUD's sebanyak 48.33. Ini menunjukkan latihan asertif yang diberikan kepada responden berjaya meningkatkan tahap keselesaan sebanyak 71.07 peratus.

Dalam hal ini Jackson (1988) menyatakan penurunan tahap kecemasan berlaku disebabkan responden mengalami peningkatan dalam komunikasi setelah mengalami latihan asertif. Responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) mengalami suatu perubahan yang begitu ketara berbanding responden dalam kumpulan LDK kawalan yang tidak mengalami sebarang aktiviti latihan.

Seterusnya untuk menjelaskan lagi peratus kecemasan awal dan tahap kecemasan akhir di kalangan responden, pengkaji merujuk kepada jadual 4.6.2 (halaman 104), jadual 4.6.3 (halaman 106), jadual 4.6.4

(halaman 108), jadual 4.6.5 (halaman 110), dan jadual 4.6.6 (halaman 112).

Berdasarkan jadual tersebut, setiap orang responden memperlihatkan corak tingkah laku yang hendak diubah. Peratus tahap kecemasan berdasarkan ujian pra skor SUD's memperlihatkan peratus yang tinggi. Manakala peratus tahap kecemasan ujian post skor SUD's menunjukkan penurunan. Ini bererti latihan asertif berjaya menurunkan tahap kecemasan di kalangan responden.

Sehubungan itu, pengkaji merujuk rajah 4.6.2 (a) halaman 105, rajah 4.6.3 (a) halaman 107, rajah 4.6.4 (a) halaman 109, rajah 4.6.5 (a) halaman 111, dan rajah 4.6.6 (a) halaman 113. Berdasarkan jadual tersebut didapati semua responden memperlihatkan penurunan tahap kecemasan. Ini ditunjukkan garisan berdasarkan ujian pra di sebelah atas kiri dan ujian post di sebelah bawah kanan.

Akhir sekali pengkaji merujuk rajah 4.6.7 (halaman 114) yang merupakan perbandingan keseluruhan skor SUD's peningkatan tahap keselesaan perubahan tingkah laku responden. Garisan graf di bahagian atas merupakan ujian pra, manakala garisan di bahagian bawah merupakan ujian post.

Kesimpulannya semua responden kumpulan ujikaji LDK 1 (latihan asertif) berjaya mengurangkan tahap kecemasan dan meningkatkan

tahap keselesaan. Ini bererti latihan asertif berjaya membina tingkah laku asertif, dan objektif kajian ini berjaya dicapai.

5.2.3 Perbezaan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK

Perbincangan ini bertujuan untuk melihat perbezaan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK yang terlibat dalam ujikaji kajian ini. Dengan merujuk kepada rajah 4.5.1 (halaman 96), didapati skor min ujian post bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) ialah 117.96, kumpulan LDK 2 (kawalan I) 102.03, kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) 111.20, dan kumpulan LDK 4 (kawalan II) ialah 97.66.

Perbezaan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK tersebut telah diuji dengan menggunakan analysis of variance (ANOVA) seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.5.2 (halaman 98). Melalui ujian tersebut, nilai F yang didapati ialah .0000 iaitu < 0.05. Ini menunjukkan skor min ujian post bagi semua kumpulan LDK tersebut mempunyai signifikan.

Seterusnya pengkaji merujuk kepada ujian Scheffe pada jadual 4.5.3 (halaman 99) dan jadual 4.5.4 (halaman 99) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi semua kumpulan. Kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial) memperolehi skor min ujian post yang tinggi, berbanding dua kumpulan kawalan iaitu

kumpulan LDK 2 (kawalan I) dan kumpulan LDK 4 (kawalan II) merperolehi skor min ujian post yang rendah.

Oleh itu, berdasarkan perbezaan skor min bagi semua kumpulan LDK tersebut dapatlah dikatakan bahawa latihan asertif telah memberikan kesan positif dalam pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) jika dibandingkan dengan 3 kumpulan LDK yang lain.

Dalam hal ini, Rathus (1973) telah menjalankan kajian yang hampir sama ke atas 3 kumpulan ujikaji berpendapat skor min ujian post bagi kumpulan latihan asertif adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan yang lain. Seterusnya, bagi Wolf dan Diserdrato (1980) mereka juga bersependapat dengan apa yang dikatakan oleh Rathus. Begitu juga Workman et al., (1987) yang berpendapat memang wujud perbezaan yang signifikan di antara kumpulan latihan asertif dengan kumpulan yang lain.

Perbezaan bagi semua kumpulan LDK tersebut adalah selaras dengan Skinner (1958) dan Bandura (1986) yang menyebut bahawa corak perbezaan latihan yang diberikan terhadap kumpulan latihan asertif memberikan respondennya skor markat yang tinggi berbanding dengan kumpulan lain.

Menurut Manthei (1981), Back dan Back (1982), Bells et al., (1988), dan Gillen, T. (1992) responden dalam latihan asertif perlu didedahkan sekurang-kurangnya dengan empat komponen asas iaitu, pertama mengajar perbezaan di antara tingkah laku asertif, agresif, dan pasif . Kedua membantu responden mengenal pasti dan menerima hak-hak mereka di samping menghormati hak-hak orang lain. Ketiga mengurangkan halangan yang berbentuk emosi dan kognitif untuk membolehkan mereka bertingkah laku asertif. Dan keempat menjalankan beberapa latihan khusus, iaitu sama ada dalam bentuk peranan atau dalam persekitaran semulajadi untuk membina tingkah laku asertif.

Bandura (1986) mengatakan dalam kumpulan kemahiran sosial, beberapa komponen asas dalam pembinaan tingkah laku asertif tidak diberikan penekanan khusus, sebaliknya diperolehi secara tidak langsung melalui aktiviti dan proses perbincangan yang dijalankan dalam aktiviti latihan.

5.2.4 Perspektif fasilitator dan jurulatih terhadap kesan latihan asertif bagi responden kumpulan ujikaji

Pengkaji merujuk rajah 4.7.1 (halaman 116) yang memperlihatkan perbandingan skor min ujian pra dan skor min ujian post berdasarkan borang BMP. Daripada jadual tersebut pemerhati (fasilitator dan jurulatih) memberikan catatan skor bagi setiap perlakuan responden

bagi kumpulan ujikaji. Semua respon memperolehi skor min yang rendah melalui ujian pra manakala skor min ujian post memperolehi skor min yang tinggi.

Dalam hal ini Zuker (1989), Fritchie dan Melling (1991), dan Myers et al., (1992) sependapat bahawa latihan asertif berjaya memberikan keyakinan diri, berdikari, berani, dan tegas dalam membuat keputusan. Oleh itu, berdasarkan perspektif fasilitator dan jurulatih jelaslah bahawa latihan asertif berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden.

5.3 Rumusan dapatan kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji membuat rumusan dengan melihat perubahan bentuk perlakuan tingkah laku di kalangan responden dalam kumpulan LDK 1 (latihan asertif) yang terlibat dalam ujikaji. Selain itu, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kepada para pengkaji untuk memperbaiki kajian pada masa hadapan.

Berdasarkan analisis dan tafsiran kajian dalam bab 4, pengkaji telah mendapati latihan asertif berjaya mencapai objektif dan hipotesis kajian. Pengkaji melihat kejayaan kajian berdasarkan perubahan corak tingkah laku positif terhadap pembinaan tingkah laku asertif di kalangan responden. Dalam hal ini pengkaji mendapati tiga perubahan corak tingkah laku tersebut iaitu:

5.3.1 Perlakuan tingkah laku yang lebih asertif dalam segala aspek perlakuan harian

Suatu kesan nyata di kalangan responden selepas menjalani latihan asertif ialah memperlihatkan perlakuan tingkah laku yang lebih asertif dalam segala aspek harian. Sewaktu mula tiba di Kern Bina Negara, Kaki Bukit, Perlis, kebanyakan responden memperlihatkan tingkah laku yang tidak asertif dan tidak menampakkan keceriaan di wajah mereka.

Mengikut Mohamad **(1969)** kebanyakan golongan remaja di Malaysia, khasnya kaum Melayu tidak mempunyai tingkah laku asertif. Selain itu, menurut kajian Chiam dan Nik **(1983)** sebahagian besar golongan remaja di Malaysia mempunyai sifat negatif dan mereka perlu menyesuaikan diri untuk memiliki sifat positif diri seperti sahsiah, perhubungan sosial, dan pemikiran.

Suatu lagi kajian dilakukan oleh McCraken **(1986)** mendapati golongan remaja amat kurang memiliki ciri-ciri tiga tingkah laku di atas. Drucker **(1987)** berpendapat adalah sukar mencari seorang pemimpin yang dilahirkan sebagai seorang pemimpin. Noordin **(1994)** berpendapat pembentukan pemimpin bergantung kepada asuhan, pendidikan, semaian norma, dan nilai-nilai yang diwariskan kepada remaja sejak di bangku sekolah.

Oleh itu, Bells et al,. (1992) mencadangkan supaya tingkah laku asertif dibina dan dilatih sejak dari kecil lagi. Sehubungan itu, pembinaan tingkah laku asertif di kalangan pemimpin mahasiswa adalah penting dimulakan sewaktu mereka berada di kampus. Sebagai bakal pemimpin di peringkat yang lebih tinggi, mereka mestilah mengamalkan tingkah laku asertif dalam kehidupan harian.

5.3.2 Kemahiran berkomunikasi yang lebih baik dan berkesan

Selain itu, melalui latihan asertif responden memperlihatkan peningkatan dalam komunikasi di kalangan individu di samping mereka. Kesan latihan asertif di kalangan responden telah membolehkan perlaku yang lebih sopan dalam proses komunikasi. Menurut Saman (1989) perlakuan asertif penting bagi seseorang meningkatkan kemahirkan komunikasi dalam aktiviti seharian.

Di kalangan pemimpin mahasiswa kemahiran berkomunikasi sangat penting dalam menjaga hubungan dengan ahli dan anggota masyarakat. Komunikasi antara pemimpin mahasiswa juga wajar dipupuk terutama dengan pihak universiti serta yang berkaitan dengannya.

5.3.3 Kebolehan membuat keputusan sendiri dan memuaskan

Suatu keadaan yang nyata berdasarkan latihan asertif yang telah dijalankan ialah responden mampu membuat keputusan sendiri dan memuaskan. Menurut Awang (1993) kebolehan membuat keputusan yang tepat, akan memberikan keuntungan kepada individu. Selain itu, kebolehan membuat keputusan di kalangan pemimpin persatuan mahasiswa, mengajar mereka membiasakan diri menghadapi sesuatu keadaan yang lebih mencabar dan kritikal.

Berdasarkan analisis dan tafsiran keputusan kajian dalam bab 4 serta perbincangan dalam bab 5, pengkaji merumuskan latihan asertif telah berjaya membentuk tingkah laku asertif di kalangan responden. Seterusnya, latihan asertif wajar diterapkan kepada semua peringkat pemimpin agar perlakuan tingkah laku mereka lebih asertif.

Pemimpin persatuan mahasiswa yang menjalani ujikaji ini berjaya memperlihatkan peningkatan dalam tingkah laku asertif, berbanding keadaan sebelum mereka menjalani latihan asertif. Oleh itu, pengkaji menegaskan bahawa latihan asertif memang berjaya membina tingkah laku asertif di kalangan responden dalam kajian yang telah dijalankan.

5.4 Kesan kajian

Dalam melakukan kajian ini, pengkaji telah melibatkan beberapa pihak dan berdasarkan dapatan yang diperolehi, diharap ia memberikan manfaat kepada mereka. Antaranya ialah:

5.4.1 Pengkaji

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah membuat suatu perancangan dan perkaedahan serta melalui beberapa prosuder dan proses yang begitu menarik serta mencabar. Bagaimanapun, sewaktu mengendalikan kajian ini pengkaji telah dapat menimba pelbagai pengalaman yang menarik dan amat berharga. Selain itu, kerjasama yang diberikan oleh semua pihak menjayakan kajian ini sangat baik dan amat berharga.

Pengkaji berpendapat latihan asertif boleh dipraktikkan sebagai suatu intervensi (campur tangan) dalam membina tingkah laku asertif di kalangan pelbagai peringkat pemimpin. Justeru itu, penglibatan pemimpin persatuan mahasiswa, Universiti Teknologi, Skudai, Johor, sebagai responden dalam kajian ini sangat berguna kepada mereka. Sebagai bakal pemimpin negara pada masa akan datang, sewajarlah mereka merpersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran perlakuan tingkah laku (Mohamad, 1969).

Seterusnya, pengkaji dapat melihat keberkesanan menggunakan modifikasi tingkah laku seperti model sosial, "decent" (tingkah laku) bersistematik, main peranan, dan kawalan kendiri dalam membina tingkah laku asertif. Di samping itu, pengkaji mempunyai cita-cita serta keyakinan yang tinggi untuk meneruskan lagi kajian ini ke peringkat pengajian yang lebih tinggi demi menambahkan khazanah dalam dunia keilmuan.

5.4.2 Responden

Pemimpin persatuan mahasiswa, Universiti Teknonogi Malaysia, Skudai, Johor, yang terlibat sebagai responden kajian ini, mereka turut memperolehi suatu pengalaman baru tentang pelaksanaan latihan asertif yang belum pernah didedahkan secara langsung kepada mereka. Walaupun sebahagian kecil daripada mereka pernah mengikuti beberapa bentuk aktiviti latihan seperti bimbingan dan kaunseling, kursus kemahiran belajar, kursus ketrampilan diri, dan sebagainya, namun mereka berpendapat latihan asertif ternyata lebih berkesan dalam pembinaan tingkah laku asertif.

Selain itu, responden dapat meluahkan pandangan, perasaan, dan menilai perjalanan latihan asertif yang dijalankan. Melalui aktiviti latihan asertif, responden memperolehi suatu kesedaran tentang kepentingan membina tingkah laku asertif yang kurang diberikan perhatian selama ini. Sebagai pemimpin persatuan mahasiswa mereka

sedar betapa pentingnya mempunyai tingkah laku asertif terutama sewaktu menjalankan tugas serta berkomunikasi dengan ahli persatuan pimpinan mereka.

Selain itu, responden berpendapat perlakuan asertif wajar dibina berterusan agar mereka mampu mencurahkan perasaan, pendapat, dan sebagainya agar tidak berterusan memendamnya. Menurut Back dan Back (1982) responden yang mengikuti latihan asertif mempunyai keyakinan serta berani memperkatakan hak-hak diri sendiri, di samping menghormati hak-hak orang lain.

Selain itu, responden dalam kajian ini menyatakan rasa puas hati dan gembira setelah memperolehi kesan positif mengikuti latihan asertif. Walaupun di peringkat awal mereka berpendapat latihan asertif kurang sesuai diberikan kepada mereka, namun di akhir aktiviti latihan asertif mereka pula mencadangkan agar waktu latihan asertif dipanjangkan. Mereka juga mencadangkan supaya latihan asertif diperluaskan kepada semua lapisan pemimpin masyarakat agar perlakuan pemimpin menjadi lebih asertif.

5.4.3 Biro Tatanegara (cawangan Perak)

Dapatan kajian boleh digunakan sebagai suatu rujukan kepada Biro Tatanegara (cawangan Perak), khususnya Bahagian Latihan untuk menilai dapatan kajian agar dapat diserapkan ke dalam modul latihan

yang sedia terdapat pada masa ini. Selain itu, dapatan kajian diharap dijadikan suatu alternatif kepada pelbagai modul kepimpinan, pembinaan diri, kemahiran sosial, dan sebagainya yang dipraktikkan kepada peserta program Kursus Bina Negara selama ini.

Latihan asertif diharap dapat membantu menangani masalah kepimpinan di kalangan golongan remaja yang kurang memuaskan pada masa ini. Menurut Noordin (1994) masalah sosial di kalangan remaja yang semakin serius diharap dapat dikurangkan jika pembinaan tingkah laku asertif dapat diterapkan kepada mereka melalui latihan. Justeru itu, Yassin (1996) mencadangkan program Rakan Muda diterapkan aktiviti latihan asertif agar golongan remaja bersedia membina tingkah laku asertif dalam perlakuan seharian mereka.

5.4.4 Universiti tempatan

Universiti tempatan wajar mempraktikkan latihan asertif sebagai suatu kursus pembinaan tingkah laku asertif di kalangan mahasiswa. Mahasiswa wajar memperlihatkan perlakuan yang asertif agar mereka terus diberi kepercayaan masyarakat mewarisi kepimpinan generasi akan datang. Menurut Karim (1992) mahasiswa era 1990-an wajar mempunyai kekuatan mental serta perlakuan yang asertif agar mereka mampu menghadapi persaingan pada masa hadapan.

Universiti tempatan wajar menggunakan dapatan kajian ini sebagai garis awal dalam membina perlakuan asertif di kalangan mahasiswa. Latihan asertif perlu diseiringkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang begitu pesat dan canggih dilaksanakan di universiti tempatan pada masa ini.

5.6 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji berpendapat beberapa aspek perkaedahan serta prosuder perlu diberikan perhatian bagi menghasilkan dapatan kajian lebih mantap, berkesan serta bermakna pada masa hadapan. Pengkaji memberikan beberapa cadangan yang difikirkan perlu diberikan perhatian oleh para pengkaji lain pada masa hadapan. Antara cadangan tersebut ialah:

5.6.1 Inventori soalan

Para pengkaji pada masa hadapan yang berminat menjalankan kajian terhadap latihan asertif dan pembinaan tingkah laku asertif, wajar menggunakan inventori soalan lebih menyeluruh meliputi aspek emosi dan perasaan. Inventori Jadual Tegas Diri, Rathus (1973) yang dijadikan sebagai instrumen kajian ini, didapati mempunyai perlakuan berkaitan dengan kemahiran untuk sesuatu perubahan tingkah laku sahaja. Inventori ini tidak meliputi aspek yang berkaitan perubahan terhadap

emosi dan perasaan. Selain itu para pengkaji perlu menggunakan inventori soalan yang lebih berfokuskan kepada negara dan masyarakat Malaysia sendiri.

Selain itu, inventori kajian yang digunakan, hanya menilai perubahan tingkah laku secara menyeluruh. Dari segi penilaian. Inventori soalan tidak membahagikan bentuk tingkah laku yang hendak diubah terutama dari aspek internal seperti emosi, dan perasaan.

5.5.2 Fasilitator kumpulan LDK

Untuk keberkesanan menjalankan latihan bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) dan kumpulan LDK 3 (kemahiran sosial), adalah wajar hanya fasilitator yang membuat kajian mengawasi perjalanan aktiviti kedua-dua kumpulan LDK tersebut . Perkara ini difikirkan perlu agar fasilitator yang membuat kajian dapat mengikuti perjalanan aktiviti latihan dengan lebih jelas. Keadaan ini sangat penting kerana mengelakkan fasilitator lain mempengaruhi keputusan skor min ujian yang dijalankan. Dalam hal ini, adalah dicadangkan agar pengkaji yang membuat kajian tentang tajuk pembinaan tingkah laku asertif, menjadi fasilitator kepada kedua-dua kumpulan ujikaji tersebut.

Selain itu, pengkaji juga memerlukan seorang pembantu fasilitator dan seorang pembantu jurulatih agar aktiviti latihan asertif bagi kumpulan LDK 1 (latihan asertif) lebih berkesan. Keadaan ini sangat penting

kerana mengelakkan responden mempengaruhi rakan mereka dalam memperolehi sesuatu data untuk dianalisis dan ditafsir.

5.5.3 Tempoh kajian

Tempoh yang diperuntukkan kepada pemerhati perlu dilanjutkan agar pemerhatian serta perspektif mereka terhadap responden dapat dinilai dengan lebih berkesan.

Selain itu, tempoh menjalani ujikaji serta aktiviti latihan perlu ditambah agar keberkesanannya dapat dirasai sebenarnya. Dalam kajian ini tempoh latihan selama 10 jam dianggap terlalu suntuk, walaupun dapatan kajian berjaya mencapai objektif dan hipotesis kajian. Di sini pengkaji mencadangkan agar tempoh dilanjutkan supaya lebih banyak aspek perlakuan tingkah laku asertif dapat dibincang serta dipraktikkan dalam latihan.

Akhirnya pengkaji menaruh harapan supaya hasil kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang berkaitan. Kepada para pengkaji lain, diharapkan mereka menjadikan kajian ini sebagai garis panduan permulaan untuk menghasilkan kajian yang lebih luas dan berkesan.

5.5.4 Responden kajian

Pengkaji berpendapat responden kajian hendaklah mempunyai latar belakang yang hampir seimbang. Dalam kajian ini sebahagian daripada responden pernah mengikuti beberapa siri kursus latihan asertif. Walaupun, siri kursus tersebut tidak sepenuhnya, namun pengalaman mereka boleh mempengaruhi responden lain di dalam kumpulan LDK yang diujikaji.

Selain itu, terdapat sebilangan kecil responden tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dalam kajian ini kerana faktor kesihatan. Oleh itu, pada masa akan datang para pengkaji harus mengambil perhatian terhadap perkara ini.

5.6 Penutup

Pengkaji mempunyai harapan tinggi agar dapatan kajian ini mampu menjadi garis panduan kepada semua pihak menggunakan latihan asertif dalam pembinaan tingkah laku asertif kepada mereka. Pengkaji mengharapkan semua pihak memperlakukan tingkah laku asertif dalam kehidupan harian agar diri mereka berada dalam keceriaan, kepuasan, serta dihormati oleh semua anggota masyarakat.

RUJUKAN

Allan, J. 1989. ***How To Develop Your Personal Management Skills.*** London: Kogan Page Limited.

_____. 1989. ***Personal Management Skills***. London: Kogan Page Limited.

Awang, M. 1993. ***Membuat Keputusan.*** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang, M. 1989. ***Pembentukan Tingkah Laku Asertif Di Kalangan Pelajar-Pelajar Vokasional, Institut Kemahiran MARA.*** Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Babbie, E. R. 1992. ***The Practice Of Sosial Research.*** Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.

Back, K., dan Back, K. 1991. ***Asertiveness At Work***. London: McGraw-Hill Book Company.

Bandura, A. 1977. ***Social Learning Theory***. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice- Hall.

_____. 1982. "Self-Efficacy Mechanism in Human Agency". ***American Psychologist, 37***: 122 - 147.

_____. 1986. ***Social Foundation of Thought and Action***. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.

Bells, C., Hopson, B., dan Scally, M. 1988. ***Assertiveness A Positive Process***. London: Lifeskills Publishing Group.

Bennett, R. 1989. ***Personal Effectiveness.*** London: Kogan Page Ltd.
Bono, D. E. 1977. ***The Happiness Purpose.*** London: Penguin Group.

Bukhari, B. 1987. ***Kesan Pendekatan Modifikasi Tingkah Laku Terhadap Tegas Diri.*** Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Chiam H. K., dan Nik, A. 1982. ***A Profile Of Adolescent In Malaysia.*** Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Nasional mengenai kaum remaja di Malaysia anjuran Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Ogos, 2 - 5.

Colleen, K. 1979. ***Assertion Training : A Facilitator's Guide.*** La Jolla, Calif: University Associates.

Cooper, C. L. 1981. ***Improving Interpersonal Relation Some Approaches To Social Skill Training***. Eaglewood Cliffs: Gower Publication Company.

Cottler, S. B., dan Guerra, J. J. 1976. ***Asertion Training.*** Champaign, III: Research Press.

Dan, K. 1988. ***Kesan Latihan Tegas Diri Terhadap Kualiti Perhubungan Rakan Sebilik.*** Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

DeVito, A. J. 1980. ***The Interpersonal Communication Book.*** New York: Harper and Row Publishers.

Drucker, P. 1987. "Timeless Truths About Performing at Your Best". ***Working Smart, '87*** : 8 - 9.

Egan, G. 1990. ***The Skiller Helper - A Systematic Approach to Effective Helping.***California: Brooks Cole Publishing Company.

Eisenberg, S., dan Delaney, D.J. 1977. ***The Counseling Process.*** Chicago: Rand Mc. Nally College Publishing Company.

Fiedler, F. E. 1967. ***A Theory Of Leadership Effectiveness.*** New York: Mc Graw Hill.

Fleishman, E. A. 1973. "Twenty years of consideration and structure". Dalam Fleishman, E. A., dan Hunt, J. G. (Eds.). ***Current Development In The Study Of Leadership.*** Carbondale: Southern Illinois University Press.

Foy, D. W., Eisler, R. M., dan Pinkston, S. 1975. "Modeled assertion of explosive rages". ***Journal of Behavior Therapy and Experimental Psychiatry, 6***: 135 - 137.

Fritchie, R., dan Melling, M. 1991. ***The Business of Assertiveness: A Practical Guide To Being More Effective In The Workplace.*** London: BBC Books, BBC Enterprise Limited.

Galassi, D. M., dan Galassi, P. J. 1977. ***Assert Yourself: How To Be Your Own Person.*** New York: Human Sciences Press.

Gardon, H., Anthony, S., dan Bower. 1991. ***Asserting Yourself: A Practical Guide For Positive Change.*** Reading, Mass: Addison - Wesley Pub. Co.

Gillen, T. 1992. ***Assertiveness for Managers.*** Aldershot Hants, England: Gower Publishing Company Limited.

Hassan, S. M. 1987. ***Kesan Pendekatan Modifikasi Tingkah Laku Terhadap Tegas Diri.*** Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Holdnak, B. J., Tanya, C., Clemons, dan Stephen C. B. 1990. Evaluation Of Organization Training By The Solomon Four Group Design: A Field Study In Self Esteem. ***Journal of Managerial Psychology,*** 5, 5.

Hollander, E. P. 1971. "Style, structure and setting in organizational leadership". ***Administrative Science Quarterly, 16:*** 1 - 9.

Huczynski, A. 1983. ***Encyclopedia Of Management Development Methods.*** Aldershot, Hants, England: Gower Publishing Company Limited.

Ivey, E. A., Ivey, B. M., dan Moyen, S. L. 1993. ***Counseling and Psychotheraphy, A Multicultural Perspective.*** Needham Height: Allyn and Bacon, Inc.

Jackson, P. 1988. "Assertiveness Training and Its Implications". ***Training Officer, 24***: 9 - 11.

Jamaluddin, F. M. 1987. ***Pembentukan Tingkah Laku Asertif Di Kalangan Kanak-kanak Di Rumah Anak-anak Yatim Seri Cempaka, Melalui Kelompok Asertif.*** Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Jauzi, I. 1996. ***Peranan Fasilitator.*** Kertas kerja yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Biro Tatanegara.

Jonid, M. I. 1988. ***Percubaan Latihan Asertif Siswa-Siswa Matrikulasi Tahun Pertama.*** Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Kalam, T. 1987. ***Latihan Asertif Dalam Membentuk Kemahiran Sosial. Satu Kajian Kes.*** Kajian Ilmiah yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.

Karim, A. H. 1992. ***Mahasiswa Menggugat.*** Kuala Lumpur: Penerbitan INSAN.

Latham, G. P., dan Frayne, C. A. 1989. "Increasing Job Attendance Trough Training Self-Management: A Review of Two Studies". ***Journal of Applied Psychology, 74***: 411 - 416.

Lazarus, A. A., dan Wolpe, J. 1977. ***Behavior Therapy Techniques.*** New York: Pergamon.

Likert, R. 1967. ***The Human Organization.*** New York: McGraw Hill.

Liz, W., dan Jenny, D. 1995. ***The Assertive Trainer : A Practical Handbook On Assertiveness For Trainers and Running Assertiveness Courses.*** London : Mc Graw Hill.

Lloyd, R. S. 1988. ***How To Develop Assertiveness.*** Los Altos, California: Crisp Publication Inc.

Mahbob, A. 1994. ***Satu Tinjauan Gaya Kepimpinan Di Kalangan Pengurus Di Sebuah Kilang Tekstil Di Batu Pahat.*** Tesis Sarjana (Pengurusan) yang tidak diterbitkan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Manis, L., Lockwood, K., Nutter, S., Mochizuki, S. L., dan Pattison, M. 1977. ***Leader's Handbook for one-day Assertivess Training Workshop.*** Micigan: Susan Anthony Press.

Manthei, M. 1981. ***Positively Me: A Guide To Assertive Behaviour.*** Singapore: Heinemann Asia.

Martin, G., dan Pear, J. 1978. ***Behavior Modification : What It Is And How To Do It.*** New Jersey: Prentice Hall Inc.

McCraken, J. D. 1986. "Employer perceptions of the role of school in preparing youth for productive work". Kertas Kerja, Fakulti Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.

Mohamad, M. 1969. ***Dilema Melayu.*** Singapura: Federal Publication.

_____. 1982. "The Impact of Productivity on National Development". ***Ucapan Dasar di Seminar on Productivity.*** Kuala Lumpur.

Myers, E. G., dan Myers, T. M. 1992. ***The Dynamics of Human Commnunication: A Laboratory Approach.*** New York: McGraw-Hill, Inc.

Noordin, M. Z. M. W. 1994. ***Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian.*** Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Norton, R., dan Warnick, B. 1976. "Assertiveness as a Communication Construct". ***Human Communication Research, 3*** : 62 - 66.

Ohlsen, M. M., Horne, M. A., dan Lawe, F. C. 1988. ***Group Counseling.*** New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.

Rahim, A. S. 1990. ***Komunikasi Pembangunan.*** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rathus, S. A. 1973. An Experimental Investigation Of Assertive Training In A Group Setting. ***Journal of Behavior Therapy and Experimental Psychiatry,3***: 81- 86.

Rice, P. 1975. ***Psychology of Adolesent.*** New Jersey: Prentice Hall, Inc.
Rose, S.D. 1980. ***A Casebook In Group Therapy.*** Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Inc.

Saman, A. M. 1989. ***Proses Komunikasi Berkesan.*** Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.

Selat, N. 1983. ***Anatomi Kepimpinan Melayu.*** Petaling Jaya: Insular Publishing House.

Shertzer, B., dan Stone, S. C. 1974. ***Fundamentals of Counseling.*** New York: Houghton Mifflin Co.

Skinner, B. F. 1938. ***The Behavior of Organisms.*** New York: Appleton.

_____. 1953. ***Science and Human Behavior.*** New York: Free Press.

_____. 1958. "Teaching machines". ***Science, 128***: 969 - 977.

_____. 1987. "What ever happened to psychology as the science of behavior?". ***American Psychologist, 42***: 780 - 786.

Solomon, R. L. 1978. "An Extension of Control Group Design". ***Psychological Bulletin, 46:*** 137 - 150.

Starke, M. C. 1987. "Enhanching social skills and self perceptions of physically disabled young adults: Assertiveness training vs discussion groups". ***Behavior Modification, 11***: 3 - 16.

Stubbs, R. D. 1985. ***How To Use Assertiveness At Work.*** Aldershot, Hants, England: Gower Publishing Company.

Thorndike, R. M., Cunningham, G. K., Thorndike, R. L., dan Hagen, E. P. 1991. ***Measurement and Evaluation In Physchology and Education.*** New York: Mac Millan Publishing Company.

Watson, L. S. 1973. Child Behavior Modification: A Manual for Teachers, Nurses and Parents. New York: Pergamon Press.

Wehr, J. F., dan Kaufman, M. E. 1987. "The effects of assertive training of performance in highly anxious adolescence". Adolescence, 22: 195 - 205.

Wolf, J., dan Desiderato, 0. 1980. "Transfer of assertion participants". Journal of Counseling Psychology 9 27: 484 - 491.

Wolpe, J. 1969. The Practice of Behavior Therapy. New York: Pargamon Press Inc.

Workman, J. F. "Changes in Self-Concept, Locus of Control, and anxiety among female college students as related to assertion training". Education Research *Quartely,* 11: 21 - 28.

Yassin, M. 1996. Operusi Khidmat *Masyarakat.* Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.

Yusof, A. M. 1994. Kepimpinan, Motivasi dan Prestasi Model Guru dan *Tentera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zain, M. J. M. 1995. Pembentukan *Tingkah* Laku *Asertif* Di *Kalangan* Pemimpin Persatuan Sekolah Menengah Daerah Kinta. Tesis Sarjana (Pengurusan) yang tidak diterbitkan.

Zuker, E. 1989. The Assertive Manager Positive Skills At Work For You. New York: American Management Association.

LAMPIRAN

(lampiran 1)

PERMOHONAN MEMBUAT KAJIAN ILMIAH KEPADA BIRO TATANEGARA (CAWANGAN PERAK) JABATAN PERDANA MENTERI

Haji Ahmad Fadil Bin Haji Jaafar,
379 Jalan Meranti,
Taman Seri Setia,
36000 Teluk Intan.

29 Januari 1997.

Pengarah,
Biro Tatanegara (cawangan Perak),
Jabatan Perdana Menteri,
JKR 2171/49 Jalan Sultan Azlan Shah,
31400 Ipoh.

Tuan,

KEBENARAN PENYELIDIKAN PESERTA KURSUS BINA NEGARA UNTUK PENULISAN TESIS SARJANA SAINS (PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA) UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk perhatian tuan tentang perkara di atas.

2. Saya adalah seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan sekarang merupakan mahasiswa sepenuh masa di Universiti Malaysia Sarawak sedang menyiapkan kajian ilmiah bertajuk, " Pembinaan tingkah laku asertif di kalangan pemimpin persatuan mahasiswa, universiti tempatan. Fokus: peserta program Kursus Bina Negara, BTN (cawangan Perak), Jabatan Perdana Menteri.

3. Sehubungan itu saya memohon kebenaran rasmi daripada jabatan tuan membolehkan saya menjalankan kajian tersebut. Di atas perhatian dan sokongan tuan saya dahului ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan,

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

BIRO TATANEGARA, (CAWANGAN PERAK),
JABATANPERDANAMENTERI,
JKR 2171/49 JALAN SULTAN AZLAN SHAH
31400 IPOH
PEXAKDARULREDZUAN

Telefon: 05-5477699 (Pej.)
05-5466301
Fax : 05-5467727

Telefon : 05-577699 (Pej. Am)
05-566301
Fax : 05-567727

Rujuk Tuan:

Tn. Hj.Ahmad Fadil b. Hj.Jaafar ,
379, Jalan Meranti,
Taman Seri Setia,
36000Teluk Intan, Perak.

Rujuk Kami: BTN(PK)01/01
Jld.9 (23)

Tarikh: 4 Feb 1997

.Tuan,

KEBENARAN MEMBUAT PENYELIDIKAN PESERTA KURSUS **BINA** NEGARA UNTUK PENULISAN TESIS SARJANA SAINS **(PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA)UNIVERSITI** MALAYSIA SARAWAK

Dengan hormatnyasaya merujuk surat tuan bertarik29/1/97 berkenaan perkara di atas.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasihatas kesudian tuan untuk membuat kajiankatas peserta kursus anjurBadan ini.

Semoga hasil kajian tuan nanti akan membuka ruang yang lebih luas untuk diperbaiki lagi kursus-kursus yang akan datang.

Sehubungaritu tuan adalah dibenarkan untuk memulakan kajtersebut mulai bulan Februari, 1997. Tuan bolehlah berbincang desayauntuk memilih mana-mana kursus yangdifikirkan sesuai untuk kajian tersebut.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yangmenurut perintah,

(HJ. SABUDIN B. HASAN)
Pengarah,
Biro Tatanegara (Caw. Perak),
JabatarPerdana Menteri.

(lampiran 3)

JADUAL KURSUS BINA NEGARA

Masa

(pagi) (t/hari) (petang) (malam)

	5	6	7	8	9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	9
5						T				p	p	p					
6					p	p	p				L	L					
7					L	L					L	L					
8					L	L					L	L					
9						p	p	p									
10																	

Petunjuk

5 April 1997 : T -responden tiba (10.30 pagi).

5 April 1997 : p p p -pertemuan I (2.30-4.30 petang).

6 April 1997 : p p p -pertemuan ke-2 (8.30-10.30 pagi).

9 Apri 1997 : p p p -pertemuan ke-3 (10.55pagi - 12.55 t.h).

6 April 1997 : L L -LDK bahagian 1(2.30-4.30 petang).

7 April 1997 : L L -LDK bahagian 2 (8.30-10.30 pagi).

7 April 1997 : L L -LDK bahagian 3 (2.30-4.30 petang).

8 April 1997 : L L -LDK bahagian 4 (8.30-10.30 pagi).

8 April 1997 : L L -LDK bahagian 5 (2.30-4.30 petang).

(lampiran 4, lampira 5, dan lampiran 6)

BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK KAJIAN

SATU UJIKAJI PEMBINAAN TINGKAH LAKU ASERTIF DI KALANGAN PEMIMPIN PERSATUAN MAHASISWA, SEBUAH UNIVERSITI TEMPATAN. FOKUS : PESERTA KURSUS BINA NEGARA, BIRO TATANEGARA (CAWANGAN PERAK), JABATAN PERDANA MENTERI.

Saudara / saudari yang dihormati,

Sukacita dimaklumkan anda telah terpilih menyertai kajian ilmiah yang bertujuan mendapatkan kesan latihan asertif terhadap pembinaan tingkah laku asertif di kalangan pemimpin mahasiswa, sebuah universiti tempatan.

Kajian ini merupakan keperluan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat pengijazahan Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak.

Kajian ini mengandungi soal selidik dan mengambil masa lebih kurang 20 minit untuk dilengkapkan.

Kerjasama dan komitmen anda menjawab soal selidik ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Ikhlas daripada,

Ahmad Fadil Bin Jaafar,
Pengajian Pasca Siswazah,
Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia),
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan.
Tel 082 671000.
Fax 082 672411.

Tarikh: 1 April 1997.

(lampiran 4)

INVENTORI JADUAL TEGAS DIRI, RATHUS (1973)
(disesuaikan)

Bil. responden

Nama responden .....

Persatuan .....

Jawatan .....

Ujian pra / ujian pos .....

Kumpulan LDK .....

ARAHAN:

Bagi tiap-tiap kenyataan yang disenaraikan di bawah, tentukan yang manakah jawapan yang benar-benar dapat menggambarkan sifat anda. Tandakan (X) nombor jawapan anda di dalam kotak sebelah kanan setiap kenyataan tersebut.

5	Sifat-sifat diri saya yang sebenar
4	Seakan-akan sifat diri saya
3	Tidak pasti, boleh dikatakan sifat diri saya dan boleh juga dikatakan bukan sifat diri saya
2	Seakan-akan bukan sifat diri saya
1	Bukan sifat diri saya yang sebenar

1. Kebanyakan orang nampaknya lebih agresif daripada saya dalam mendapatkan hak-hak mereka sambil mengetepikan hak-hak orang lain.

5	
4	
3	
2	
1	

2. Apabila hidangan makan di kafetaria kamsis tidak memuaskan hati, saya akan memberitahu tuan punya kafetaria tersebut.

5	
4	
3	
2	
1	

3. Saya akan berbincang secara terbuka dengan sesiapa yang telah mengkritik tingkah laku saya.

5	
4	
3	
2	
1	

4. Saya selalu berhati-hati untuk mengelakkan daripada menyakiti perasaan orang lain, walaupun perasaan saya terguris.

5	
4	
3	
2	
1	

5. Saya malu menghantar kembali barang yang telah dibeli walaupun tidak memuaskan hati saya.

5	
4	
3	
2	

6. Apabila saya diarah membuat sesuatu saya perlu tahu dahulu mengapa saya diarah.

5	
4	
3	
2	
1	

7. Orang selalu mengambil kesempatan ke atas diri saya.

5	
4	
3	
2	
1	

8. Saya gembira berbual-bual dengan rakan atau orang yang baru saya kenali.

5	
4	
3	
2	
1	

9. Jika rakan akrab yang saya hormati menyakitkan hati, saya hanya menyimpan perasaan dari menyatakan kepadanya.

5	
4	
3	
2	
1	

10. Saya sering mengelak diri daripada menyoal di dalam kuliah/tutorial kerana bimbang dikatakan bodoh.

5	
4	
3	
2	
1	

11. Di dalam sesuatu perbahasan kadangkala timbul perasaan takut berpunca dari kebimbangan. Ketika itu saya hanya mendiamkan diri.

5	
4	
3	
2	
1	

12. Saya tidak akan bertengkar dengan rakan-rakan sekelas.

5	
4	
3	
2	
1	

13. Jika seseorang menyebarkan berita buruk dan palsu mengenai saya, saya akan bersemuka dengannya.

5	
4	
3	
2	
1	

14. Saya bersifat jujur dan terbuka berhubung dengan perasaan saya.

5	
4	
3	
2	
1	

15. Saya sentiasa mengambil masa panjang menolak permintaan yang tidak munasabah.

5	
4	
3	
2	
1	

16. Saya lebih suka menyimpan perasaan daripada menyatakannya.

5	
4	
3	
2	
1	

17. Jika terdapat rakan di dalam kelas yang berhampiran saya bercakap terlalu kuat, saya memintanya memperlahankan atau beredar ke tempat lain.

5	
4	
3	
2	
1	

18. Saya lebih suka memohon pekerjaan melalui surat daripada menjalani temuduga secara bersemuka.

5	
4	
3	
2	
1	

19. Saya selalu meminta orang lain mengkritik perlakuan saya.

5	
4	
3	
2	
1	

20. Saya akan memberitahu rakan tentang perkataan yang tidak menyenangkan hati saya.

5	
4	
3	
2	
1	

21. Saya akan menjelaskan idea atau pendapat yang saya fikirkan betul jika ada tentangan.

5	
4	
3	
2	
1	

22. Saya akan berbincang secara terbuka dengan seseorang yang telah mengkritik hasil kerja saya.

5	
4	
3	
2	
1	

23. Saya menolak penyertaan dalam sesuatu aktiviti apabila saya benar-benar mempunyai hal lain yang penting.

5	
4	
3	
2	
1	

24. Saya selalu meminta kembali barang/wang yang dipinjam oleh seseorang.

5	
4	
3	
2	
1	

25. Saya selalu menolak permintaan kawan untuk meminjam barang/wang dari saya.

5	
4	
3	
2	
1	

26. Saya selalu memberitahu seseorang mengenai kelewatannya melakukan sesuatu yang merugikan saya.

5	
4	
3	
2	
1	

27. Saya akan menyatakan perasaan saya apabila saya seronok dengan layanan atau penghargaan seseorang.

5	
4	
3	
2	
1	

28. Saya berterus terang dengan pihak tertentu mengenai perkara yang tidak dapat saya lakukan.

5	
4	
3	
2	
1	

29. Saya menerima dengan terbuka teguran dari pihak yang berkuasa.

5	
4	
3	
2	
1	

30. Saya selalu menyoal maksud sebenar apabila sesuatu pernyataan itu kurang jelas.

5	
4	
3	
2	
1	

Tarikh _____

(lampiran 5)

SUBJECTS UNITS OF DISCOMFORT SCALE (BORANG SKOR SUD'S)

Ujikaji perubahan tingkah laku yang hendak dilakukan

ARAHAN:

Sila tandakan tahap yang sesuai dengan kecemasan atau keselesaan diri anda.

0 . . . . 50 100

.....

aras keselesaan yang tinggi — aras kecemasan yang tinggi

Nama :.....

Persatuan :.....

Jawatan :.....

Tingkah laku :.....

Kumpulan LDK :.....

Ujian pra / ujian post:.....

Tarikh :.....

(lampiran 6)

BORANG MAKLUM BALAS PEMERHATI (BMP)

(Diisi oleh pemerhati)

Nama responden : .....

Persatuan :.....

Jawatan :.....

Kumpulan LDK :.....

Ujian pra / ujian post .....

Tarikh .....

ARAHAN:

Sila tandakan (X) di mana-mana A, B, C, atau D, yang bertentangan dengan tahap yang bersesuaian dengan pernyataan tersebut.

1. Membuat sesuatu permohonan secara lisan
   A. Amat Yakin
   B. Yakin
   C. Kurang Yakin
   D. Tidak Yakin

2. Menolak sesuatu permintaan dengan cara yang sesuai
   A. Amat Yakin
   B. Yakin
   C. Kurang Yakin
   D. Tidak Yakin

3. Mengulangi permohonan yang telah ditolak
   A. Kerapkali
   B. Sederhana
   C. Jarang
   D. Tiada Langsung

4. Melahirkan perasaan 'tidak puas hati' secara berhadapan
   A. Amat Yakin
   B. Yakin

C. Kurang Yakin
D. Tidak Yakin

5. Melahirkan perasaan gembira apabila menerima penghargaan
   A. Amat Yakin
   B. Yakin
   C. Kurang Yakin
   D. Tidak Yakin

6. Meminta penjelasan apabila menerima sesuatu arahan
   A. Amat Yakin
   B. Yakin
   C. Kurang Yakin
   D. Tidak Yakin

7. Kesanggupan meneruskan sesuatu perbincangan setelah dikritik
   A. Kerapkali
   B. Sederhana
   C. Jarang
   D. Tiada Langsung

8. Mengemukakan soalan di dalam mesyuarat
   A. Amat Yakin
   B. Yakin
   C. Kurang Yakin
   D. Tidak Yakin

9. Kesediaan menerima teguran
   A. Amat Yakin
   B. Yakin
   C. Kurang Yakin
   D. Tidak Yakin

10. Kesediaan untuk mengubah tingkah laku yang telah diberi sokongan
    A. Kerapkali
    B. Sederhana
    C. Jarang
    D. Tiada Langsung

Nama pemerhati :.....

Tandatangan :.....

Tarikh :.....